



PERSATUAN BOLASEPAK MALAYSIA

Statut



FAM

PERSATUAN BOLASEPAK MALAYSIA

STATUT

Versi Bahasa Malaysia



ISI KANDUNGAN

Takrif	3
I. Peruntukan Am	6
II. Keahlian	9
III. Presiden Kehormat Dan Ahli Kehormat	15
IV. Organisasi	16
A. Kongres	18
B. Jawatankuasa Eksekutif	25
C. Presiden	28
D. Sekretariat Agung	29
E. Jawatankuasa Tetap	31
F. Badan Pelesenan Kelab	36
G. Jawatankuasa Bebas	37
V. Kewangan	42
VI. Pertandingan dan Hak dalam Pertandingan dan Acara	45
VII. Perlawanan dan Pertandingan Antarabangsa	47
VIII. Peruntukan Akhir	48
Lampiran A – Soal selidik untuk semakan integriti	50
Lampiran B – Peraturan yang Mengawal Penggunaan Statut	53
Lampiran C – Peraturan Tetap Kongres FAM	57



TAKRIF

Ungkapan yang diberikan di bawah mempunyai makna seperti yang berikut:

1. **FAM** bermakna Persatuan Bolasepak Malaysia.
2. **FIFA** bermakna "Federation Internationale de Football Association" atau dalam Bahasa Malaysia ialah Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa.
3. **AFC** bermakna "Asian Football Confederation" atau dalam Bahasa Malaysia ialah Konfederasi Bola Sepak Asia.
4. **AFF** bermakna "Asean Football Federation" atau dalam Bahasa Malaysia ialah Persekutuan Bola Sepak Asean.
5. **Statut, Peraturan yang Mengawal Penggunaan Statut dan Peraturan Tetap Kongres** bermaksud undang-undang dan peraturan yang diisytiharkan oleh Kongres.
6. **Persatuan Bola Sepak Negeri (PBN)** bermakna persatuan bola sepak negeri yang diiktiraf dan menjadi ahli FAM mengikut Artikel 13, Statut FAM.
7. **Persatuan Bola Sepak Daerah, Jajahan dan Bahagian (PBD)** bermakna persatuan bola sepak di peringkat daerah yang diiktiraf dan menjadi ahli kepada PBN.
8. **Kelab** bermakna organisasi bola sepak yang berdaftar dengan PJS dan/atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) mengikut Akta Syarikat 2016 yang sedang berkuatkuasa dan dibenarkan untuk menyertai pertandingan Bola Sepak yang dianjurkan atau diiktiraf oleh FAM.
9. **Pasukan** bermakna pasukan bola sepak dan termasuklah pasukan Ahli, PBN, PBD, Kelab dan pasukan jemputan yang menyertai Pertandingan yang dianjurkan atau diiktiraf oleh FAM.
10. **Pertandingan** bermakna pertandingan Bola Sepak di peringkat kebangsaan, negeri atau daerah yang dianjurkan atau diiktiraf oleh FAM dan mengikut Undang-Undang Permainan yang disiarkan oleh IFAB dan Peraturan.
11. **Pesuruhjaya Sukan (PJS)** bermakna Pesuruhjaya Sukan yang dilantik di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997 (Akta 576).
12. **Kongres** bermakna badan tertinggi dan perundangan FAM.
13. **Jawatankuasa Eksekutif** bermakna badan eksekutif dan strategik FAM.
14. **Pegawai** bermakna semua ahli Jawatankuasa Eksekutif, Jawatankuasa Tetap, Jawatankuasa Ad-Hoc, Badan Kehakiman FAM, Ahli, PBN, PBD, Kelab dan pegawai yang dilantiknya termasuklah juga pegawai pertandingan, pegawai pasukan dan sesiapa sahaja yang diberikan kuasa untuk menjalankan tugas bagi pihak FAM, Ahli, PBN, PBD, Kelab atau Pasukan dalam Aktiviti Bola Sepak.



15. **Bola Sepak** bermakna permainan bola sepak termasuklah futsal, bola sepak pantai dan aktiviti bola sepak wanita serta lain-lain permainan Bola Sepak yang dikawal oleh FIFA dan dianjurkan atau diiktiraf oleh FIFA, AFC, AFF, FAM, Ahli, PBN atau PBD menurut Undang-Undang Permainan berkenaan yang disiarkan oleh IFAB dan peraturan FIFA, AFC dan FAM.
16. **Aktiviti Bola Sepak** bermakna penglibatan FAM, Ahli, PBN, PBD, Kelab, Pegawai, Pemain dan mana-mana individu yang terlibat dalam aktiviti berkenaan Bola Sepak yang dianjurkan atau diiktiraf oleh FIFA, AFC, AFF atau FAM serta termasuklah aktiviti-aktiviti pentadbiran, pengurusan kesukanan bola sepak serta aktiviti yang bersampingan dengannya.
17. **Pegawai Pertandingan** bermakna mana-mana individu yang layak dan diberi kuasa oleh FAM atau Ahli atau PBD untuk mengelolakan Pertandingan dan perlawanan yang dianjurkan atau diluluskan oleh FAM.
18. **Pegawai Pasukan** bermakna mana-mana individu yang layak dan diberi kuasa oleh FAM atau Ahli atau DFA untuk menganjurkan Pertandingan dan perlawanan yang dianjurkan atau diluluskan oleh FAM.
19. **Pemain** bermakna pemain bola sepak yang memegang kewarganegaraan Malaysia dan Pemain Asing yang telah didaftarkan untuk menyertai Aktiviti Bola Sepak di Malaysia tertakluk kepada Peraturan FAM.
20. **Pemain Asing** bermakna Pemain yang bukan warganegara Malaysia yang telah didaftarkan dengan Pasukan untuk menyertai Aktiviti Bola Sepak di Malaysia dan tertakluk dengan Peraturan FIFA dan FAM.
21. **Presiden** bermakna Presiden FAM pada masa itu yang dilantik menurut Statut ini.
22. **Setiausaha Agung** bermakna Setiausaha Agung FAM pada masa itu yang dilantik menurut Statut ini.
23. **Bendahari** bermakna Bendahari FAM pada masa itu yang dilantik menurut Statut ini.
24. **Sekretariat Agung** bermakna badan pentadbiran FAM di bawah penyeliaan Setiausaha Agung.
25. **Ahli** bermakna ahli yang diterima masuk mengikut Artikel 13, Statut ini.
26. **IFAB** bermakna "International Football Association Board" atau dalam Bahasa Malaysia ialah Lembaga Persatuan Bola Sepak Antarabangsa.
27. **Mahkamah Biasa** bermakna mahkamah yang mendengar pertikaian awam dan undang-undang persendirian.
28. **Tribunal Timbang Tara** bermakna mahkamah berkecuali yang bebas dan ditubuhkan dengan sewajarnya yang tidak bertindak seperti mahkamah biasa.
29. **CAS** bermakna "Court of Arbitration for Sport (Tribunal Arbitral du Sport)" atau dalam bahasa



Malaysia ialah Mahkamah Timbang Tara Sukan yang berpusat di Lausanne, Switzerland; atau mana-mana Tribunal Timbang Tara yang diiktiraf di bawah Undang-Undang Malaysia yang semasa.

30. **Peraturan** bermakna Peraturan FAM iaitu statut, kod, peraturan-peraturan, undang-undang kecil, kaedah, arahan, garis panduan dan termasuklah pekeliling yang dikeluarkan oleh FAM atau diluluskan oleh Jawatankuasa Eksekutif, Jawatankuasa Tetap, Jawatankuasa Ad-hoc dan Badan Kehakiman FAM.
31. **Media** bermakna media cetak, media elektronik, media alaf baru atau media maya dan termasuklah semua yang bekerja atau terlibat dalam sebarang aktiviti media atau lain-lain aktiviti yang berkaitan dengan media.
32. **Ejen Bola Sepak** bermakna mana-mana individu yang telah lulus peperiksaan Ejen Bola Sepak FIFA dan mempunyai kontrak dengan pemain dan/atau Pasukan untuk menguruskan semua perkara yang berkaitan dengan pemain dan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh FAM.

Nota: Ungkapan yang merujuk orang sebenar termasuklah kedua-dua jantina. Mana-mana ungkapan dalam bentuk mufrad hendaklah terpakai kepada bentuk jamak dan sebaliknya.



BAHAGIAN I PERUNTUKAN AM

Artikel 1 Nama, Ibu Pejabat dan Badan Sah

1. FAM ialah sebuah persatuan yang didaftarkan sewajarnya dengan Pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia menurut Akta Pembangunan Sukan 1997. Penubuhannya adalah untuk suatu jangka masa yang tidak ditetapkan.
2. Ibu pejabat FAM dan tempat urusannya yang berdaftar terletak di Wisma FAM, Tingkat 3, Jalan SS 5A/9, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia dan boleh dipindahkan ke satu tempat yang lain hanya selepas resolusi diluluskan oleh Kongres.
3. FAM merupakan ahli FIFA, AFC dan AFF.
4. Warna FAM hendaklah warna kuning dan hitam yang sama dengan warna harimau Malaysia.
5. Lambang FAM hendaklah terdiri daripada seekor harimau Malaysia, sebiji bola dan dua bilah keris dengan perkataan "F.A. Malaysia" dan "Persatuan Bola Sepak Malaysia" tertera padanya.
6. Bendera, lambang, logo dan singkatan itu didaftarkan secara sah dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dan badan perlindungan harta intelek antarabangsa.

Artikel 2 Objektif

Objektif FAM adalah:

1. untuk sentiasa menambah baik, menggalak, menyelaras dan mengawal permainan bola sepak di seluruh wilayah Malaysia berdasarkan permainan yang adil dan mempunyai nilai penyatuan, pendidikan, budaya dan kemanusiaan, khususnya melalui program belia dan pembangunan;
2. untuk mengatur pertandingan Bola Sepak FAM dalam semua bentuk pada peringkat kebangsaan, dengan menentukan secara tepat, seperti yang dikehendaki, bidang tanggungjawab yang diserahkan kepada pelbagai Liga yang membentuknya;
3. untuk merangka Peraturan dan peruntukan serta memastikan penguatkuasaannya;
4. untuk melindungi kepentingan Ahlinya;
5. untuk menghormati dan mengelakkan berlakunya apa-apa pelanggaran Statut, peraturan, arahan atau keputusan FIFA, AFC, AFF dan FAM atau Undang-Undang Permainan dan untuk memastikan kesemuanya ini juga dihormati oleh Ahlinya;
6. untuk menggalakkan integriti, etika dan "fair play" dengan objektif untuk mengelakkan semua kaedah atau amalan seperti rasuah, sogokan, penyalahgunaan dadah atau manipulasi perlawanan yang mungkin membahayakan integriti perlawanan, pertandingan, Pemain, Pegawai dan Ahli atau menimbulkan penyalahgunaan bola sepak persatuan, futsal dan bola sepak pantai;
7. untuk menggalakkan dan mengukuhkan prinsip dan amalan tadbir urus yang baik di peringkat kebangsaan dan menggalakkan Ahlinya mengguna pakai prinsip tadbir urus baik mereka sendiri;
8. untuk menggalakkan pembangunan bola sepak wanita dan penyertaan penuh wanita di semua peringkat tadbir urus bola sepak;



9. untuk mengawal dan menyelia semua aktiviti bola sepak dalam semua bentuk yang diluluskan dan diiktiraf oleh FAM di seluruh Malaysia, menurut Statut dan peraturan FIFA dan AFC yang berkaitan;
10. untuk menguruskan hubungan sukan antarabangsa yang berkaitan dengan Bola Sepak dalam semua bentuk; dan
11. menjadi tuan rumah kejohanan di peringkat antarabangsa dan lain-lain.

Artikel 3 Hak Asasi Manusia

1. FAM komited untuk menghormati semua hak asasi manusia yang diiktiraf di peringkat antarabangsa yang diiktiraf oleh undang-undang negara dan akan berusaha untuk mempromosikan perlindungan hak-hak ini.

Artikel 4 Kekecualian dan Kebebasan Institusi

1. FAM berkecuali dalam perkara politik dan agama.
2. Ahli FAM juga hendaklah berkecuali dalam hal politik dan agama dan hendaklah memastikan ahli mereka sendiri kekal berkecuali.
3. FAM hendaklah kekal bebas dan mengelakkan sebarang bentuk campur tangan politik yang tidak wajar. FAM hendaklah menguruskan hal ehwalnya secara bebas dan hendaklah memastikan hal ehwalnya sendiri tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak ketiga.

Artikel 5 Tidak Diskriminasi dan Kesaksamaan

1. Apa jua jenis diskriminasi terhadap sesebuah negara, orang perseorangan atau sekumpulan orang disebabkan oleh bangsa, warna kulit, etnik, asal usul kebangsaan atau sosial, jantina, ketidakupayaan, bahasa, agama, pendapat politik atau apa-apa pendapat lain, kekayaan, kelahiran atau sebarang status lain, orientasi seksual atau apa-apa sebab lain adalah dilarang sama sekali dan boleh dihukum dengan penggantungan atau penyingkiran dan/atau tindakan tatatertib lain.

Artikel 6 Memupuk Hubungan Persahabatan

1. FAM hendaklah memupuk hubungan persahabatan antara Ahli, Kelab, Pegawai dan Pemainnya serta dalam masyarakat untuk tujuan kemanusiaan.
2. FAM hendaklah menyediakan cara institusi yang diperlukan untuk menyelesaikan sebarang pertikaian dalaman yang mungkin timbul antara Ahli, SFA, Kelab, Pegawai, Pemain, Ejen Bola Sepak dan ejen perlawanan yang sah kepada institusi berkaitan.

Artikel 7 Pemain

1. Status Pemain dan peruntukan untuk pendaftaran mereka hendaklah dikawal selia oleh Jawatankuasa Eksekutif menurut Peraturan FAM dan FIFA mengenai Status dan Perpindahan Pemain.
2. Pemain hendaklah didaftarkan menurut Peraturan FAM.



Artikel 8 Undang-Undang Permainan

1. FAM dan setiap Ahlinya hendaklah bermain bola sepak persatuan dengan mematuhi Undang-Undang Permainan yang dikeluarkan oleh IFAB. Hanya IFAB boleh menetapkan dan mengubah Undang-Undang Permainan.
2. FAM dan setiap Ahlinya bermain futsal dan bola sepak pantai mengikut Undang-Undang Permainan Futsal dan Undang-Undang Permainan Bola Sepak Pantai. Hanya FIFA boleh menetapkan dan mengubah Undang-Undang Permainan Futsal dan Bola Sepak Pantai.

Artikel 9 Tatalaku Badan, Pegawai dan lain-lain

1. Semua Badan dan Pegawai FAM hendaklah mematuhi Statut, peraturan, arahan, keputusan dan Kod Etika FIFA, AFC dan FAM dalam aktiviti mereka.
2. Setiap individu dan organisasi yang terlibat dalam permainan bola sepak persatuan, futsal dan bola sepak pantai di wilayah Malaysia adalah wajib mematuhi Statut dan peraturan FIFA, AFC, FAM dan mana-mana statut lain yang berkaitan, serta prinsip fair play, kesetiaan, integriti dan semangat kesukanan.

Artikel 10 Pegawai yang Hilang Kelayakan

Individu berikut tidak layak dilantik dan tidak boleh bertindak sebagai Pegawai jika:

1. Individu yang disabitkan kesalahan atas tuduhan termasuk tetapi tidak terhad kepada rasuah, pecah amanah, penyalahgunaan dadah, pemalsuan, penipuan dan memanipulasi perlawanan; atau
2. Individu yang disabitkan kesalahan yang dinyatakan dalam perenggan (1) di atas dalam tempoh lima (5) tahun yang lalu dari tarikh disabitkan kesalahan atau dalam tempoh lima (5) tahun dari tarikh menjalani hukuman.
3. Individu yang dikenakan tindakan bankrap yang belum dilepaskan.

Artikel 11 Bahasa Rasmi

1. Bahasa Melayu ialah bahasa rasmi FAM. Dokumen dan surat rasmi ditulis dalam Bahasa Melayu, kecuali bagi urusan dengan FIFA, AFC dan lain-lain persatuan bola sepak yang menjadi ahli kepada FIFA dan AFC atau peringkat antarabangsa hendaklah menggunakan Bahasa Inggeris. Jika terdapat apa-apa percanggahan dalam tafsiran dan terjemahan dalam Bahasa Melayu mengenai Undang-Undang Permainan atau apa-apa teks atau dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh FIFA dan AFC maka teks Bahasa Inggeris hendaklah dianggap sebagai autoritatif dan sah.
2. Bahasa rasmi di Kongres adalah Bahasa Melayu dan/atau Bahasa Inggeris.
3. Laporan Kongres dan laporan tahunan aktiviti FAM hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu dan/atau Bahasa Inggeris.



BAHAGIAN II KEAHLIAN

Artikel 12 Penerimaan Masuk, Penggantungan dan Pemecatan

1. Kongres hendaklah membuat keputusan sama ada hendak menerima masuk, menggantung atau memecat Ahli.
2. Penerimaan menjadi Ahli boleh diberikan jika pemohon memenuhi keperluan FAM menurut dengan Statut ini.
3. Keahlian ditamatkan melalui pemberhentian atau pemecatan. Kehilangan keahlian tidak melepaskan Ahli daripada obligasi kewangannya terhadap FAM atau Ahli yang lain, tetapi menyebabkan pembatalan segala hak berhubung dengan FAM.
4. FAM hendaklah memastikan semua pihak berkepentingan yang berkaitan diwakili dalam Kongresnya.

Artikel 13 Ahli dan Penerimaan Masuk

1. Ahli FAM hendaklah terdiri daripada yang berikut:
 - i. Persatuan Bola Sepak Negeri;
 - ii. Persatuan Bola Sepak Polis Diraja Malaysia;
 - iii. Persatuan Bola Sepak Angkatan Tentera;
 - iv. Persatuan Bola Sepak Melayu Malaysia;
 - v. Majlis Sukan India Malaysia;
 - vi. Persatuan Bola Sepak Cina Malaysia; dan
 - vii. Persatuan Jurulatih Bola Sepak Malaysia.
2. Mana-mana persatuan yang ingin menjadi Ahli FAM hendaklah memohon secara bertulis kepada Sekretariat Agung FAM.
3. Permohonan mestilah disertakan bersama dengan butir-butir mandatori berikut:
 - i. satu salinan Statut atau peraturannya yang sah di sisi undang-undang;
 - ii. satu pengakuan bahawa ia akan sentiasa mematuhi Statut, Peraturan dan undang-undang, arahan, keputusan, dan Kod FAM, AFC dan FIFA dan memastikan bahawa ini juga akan dipatuhi oleh Ahli, Kelab, Pegawai dan Pemainnya;
 - iii. satu pengakuan bahawa ia akan mematuhi Undang-Undang Permainan yang berkuatkuasa dan disiarkan oleh IFAB; serta Undang-Undang Permainan Futsal dan Bola Sepak Pantai seperti yang ditetapkan oleh FIFA;
 - iv. satu pengakuan bahawa ia akan merujuk akhirnya (iaitu selepas kehabisan semua saluran dalaman dalam FAM) sebarang pertikaian dimensi nasional yang timbul daripada atau berkaitan dengan Statut, peraturan, arahan dan keputusan FAM hanya kepada sebuah tribunal



- timbang tara yang bebas dan ditubuhkan dengan sewajarnya yang ditubuhkan mengikut undang-undang negara Malaysia, yang dengan pasti akan menyelesaikan pertikaian itu dengan mengecualikan mana-mana mahkamah biasa, melainkan jika dilarang secara nyata oleh perundangan yang berkuat kuasa di Malaysia;
- v. satu pengakuan bahawa mana-mana pertikaian dimensi antarabangsa yang timbul daripada atau berkaitan dengan Statut, peraturan, arahan dan keputusan FIFA atau AFC hanya boleh dikemukakan akhirnya kepada CAS, seperti yang dinyatakan dalam Statut FIFA dan AFC;
 - vi. satu pengakuan bahawa ia terletak di Malaysia dan didaftarkan sewajarnya dengan pejabat PJS;
 - vii. satu pengakuan bahawa ia akan bermain dalam semua perlawanan tempatan rasmi di Malaysia;
 - viii. satu pengakuan yang bermaksud bahawa komposisi undang-undang pemohon menjamin bahawa ia boleh membuat keputusan secara bebas tanpa dipengaruhi oleh mana-mana entiti luar;
 - ix. satu senarai Pegawai yang menetapkan mereka menjadi penandatanganan yang dibenarkan dengan hak untuk mengikat perjanjian yang sah dengan pihak ketiga;
 - x. satu pengakuan bahawa ia akan mengaku janji untuk menganjurkan atau turut serta dalam perlawanan persahabatan hanya setelah mendapat kebenaran FAM terlebih dahulu;
 - xi. satu salinan minit mesyuarat kongres atau mesyuarat agung dan perlembagaan yang terakhir;
 - xii. satu pengakuan bahawa ia tidak akan membawa perkara berkaitan tafsiran dan penggunaan Statut, peraturan, keputusan dan arahan FIFA, AFC dan FAM ke Mahkamah Biasa, melainkan jika diperuntukkan oleh peraturan FIFA, AFC dan FAM.
4. Perkara ini tidak akan menjejaskan status Ahli yang sedia ada.

Artikel 14 Permintaan dan Prosedur Permohonan

1. Prosedur bagi penerimaan masuk hendaklah dikawal selia melalui peraturan khas yang diluluskan oleh Jawatankuasa Eksekutif FAM.
2. Jawatankuasa Eksekutif hendaklah memohon Kongres sama ada untuk menerima masuk ataupun menolak permohonan tersebut. Pemohon boleh menyatakan sebab permohonannya kepada Kongres.
3. Ahli baharu hendaklah memperolehi hak dan tugas keahliannya sebaik sahaja diterima menjadi Ahli. Wakilnya layak mengundi dan dipilih, yang berkuat kuasa serta-merta.

Artikel 15 Hak Ahli

1. Ahli FAM mempunyai hak berikut:
 - i. untuk mengambil bahagian dalam Kongres, untuk mengetahui agendanya terlebih dahulu, untuk dipanggil ke Kongres dalam tempoh yang ditetapkan dan untuk menjalankan hak mengundi mereka;



- ii. untuk membuat usul bagi dimasukkan dalam agenda Kongres;
 - iii. untuk menamakan calon bagi semua badan FAM yang hendak dipilih dan/atau dilantik;
 - iv. untuk mengetahui tentang hal ehwal FAM melalui badan rasmi FAM;
 - v. untuk mengambil bahagian dalam Aktiviti Bola Sepak dan/atau aktiviti sukan lain yang dianjurkan dan diiktiraf oleh FAM;
 - vi. untuk melaksanakan segala hak lain yang timbul daripada Statut dan Peraturan lain FAM.
2. Pelaksanaan hak ini tertakluk kepada peruntukan lain dalam Statut ini dan Peraturan FAM yang terpakai.

Artikel 16 Obligasi Ahli

1. Ahli FAM mempunyai obligasi berikut:
 - i. untuk mematuhi sepenuhnya Statut, Peraturan, arahan dan keputusan FIFA, AFC, AFF dan FAM pada setiap masa dan untuk memastikan perkara ini juga dipatuhi oleh Ahlinya;
 - ii. untuk memastikan pemilihan badan pembuat keputusannya sekurang-kurangnya setiap empat (4) tahun;
 - iii. untuk mengambil bahagian dalam Aktiviti Bola Sepak yang dianjurkan atau diiktiraf oleh FAM;
 - iv. untuk membayar yuran keahliannya;
 - v. untuk menghormati Undang-Undang Permainan seperti yang ditetapkan oleh IFAB, juga Undang-Undang Permainan Futsal dan Bola Sepak Pantai seperti yang ditetapkan oleh FIFA, dan untuk memastikan undang-undang ini dipatuhi oleh ahlinya melalui peruntukan statutori;
 - vi. untuk mengguna pakai satu klausa statutori yang menentukan bahawa sebarang pertikaian dimensi nasional yang timbul daripada atau berkaitan dengan Statut, peraturan, arahan dan keputusan FAM hanya boleh dirujuk akhirnya (iaitu selepas kehabisan semua saluran dalaman dalam FAM) kepada tribunal timbang tara yang bebas dan ditubuhkan dengan sewajarnya yang ditubuhkan mengikut undang-undang negara Malaysia, yang dengan pasti akan menyelesaikan pertikaian itu dengan mengecualikan mana-mana mahkamah biasa, melainkan dilarang secara nyata oleh perundangan yang berkuat kuasa di Malaysia;
 - vii. untuk mengguna pakai satu klausa statutori yang menentukan mana-mana pertikaian dimensi antarabangsa yang timbul daripada atau berkaitan dengan Statut, peraturan, arahan dan keputusan FIFA atau AFC hanya boleh dikemukakan akhirnya kepada CAS, seperti yang dinyatakan dalam Statut FIFA dan AFC;
 - viii. untuk menguruskan hal ehwal mereka secara bebas dan memastikan bahawa hal ehwal mereka sendiri tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak ketiga mengikut Artikel 20 Statut ini;
 - ix. untuk memastikan badan mereka sama ada dipilih atau dilantik mengikut prosedur yang menjamin kebebasan sepenuhnya pemilihan atau pelantikan;
 - x. untuk memastikan statutnya sealiran dengan peruntukan Statut FAM. Setiap pindaan statut Ahli mestilah mendapat kelulusan daripada FAM sebelum dibentang dalam kongres Ahli



- dan sebelum dikemukakan kepada PJS. Ahli hendaklah menyampaikan kepada FAM apa-apa pindaan pada statut dan peraturannya dan juga senarai para Pegawai atau orang yang menjadi penandatanganan yang dibenarkan dengan hak untuk mengikat perjanjian yang sah dengan pihak ketiga;
- x. untuk tidak mengadakan apa-apa hubungan yang bersifat kesukanan dengan entiti yang tidak diiktiraf atau dengan Ahli yang telah digantung atau dipecat;
 - xii. untuk mematuhi prinsip kesetiaan, integriti dan semangat kesukanan yang baik sebagai pernyataan bagi permainan yang adil melalui peruntukan statutori;
 - xiii. untuk mematuhi butir-butir mandatori yang dinyatakan di bawah perenggan 3 Artikel 13 sepanjang keahliannya;
 - xiv. untuk menyimpan daftar Ahli yang dikemas kini dari semasa ke semasa;
 - xv. untuk mengemukakan kepada Setiausaha Agung, pada atau sebelum 30 April setiap tahun, akaun tahunan yang diaudit sewajarnya berhubung dengan geran tahunan yang dibuat oleh FAM;
 - xvi. untuk mematuhi sepenuhnya segala kewajipan lain yang timbul daripada Statut dan Peraturan FIFA, AFC dan FAM; dan
 - xvii. untuk menganjurkan pertandingan bagi ahli atau kelab di bawah bidang kuasanya.
2. Pelanggaran obligasi yang dinyatakan di atas oleh mana-mana Ahli boleh menyebabkan tindakan diambil seperti yang diputuskan oleh Jawatankuasa Tatatertib dan Etika.
 3. Pelanggaran perenggan 1 viii) di atas juga boleh membawa kepada sekatan, walaupun pengaruh pihak ketiga bukan salah Ahli berkenaan. Setiap Ahli FAM bertanggungjawab terhadapnya untuk mana-mana dan semua perbuatan ahli badan mereka yang disebabkan oleh kecuaiannya atau salah laku yang disengajakan oleh ahli tersebut.

Artikel 17 Penggantungan

1. Kongres adalah bertanggungjawab untuk menggantung keahlian mana-mana Ahli. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Eksekutif boleh menggantung Ahli yang melanggar obligasinya sebagai Ahli secara serius atau secara berulang kali melanggar obligasinya sebagai Ahli dengan berkuat kuasa serta-merta. Penggantungan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Eksekutif akan berlangsung sehingga Kongres yang akan datang, melainkan Jawatankuasa Eksekutif telah menarik baliknya dalam masa yang sama.
2. Penggantungan keahlian hendaklah disahkan oleh Kongres berikutnya dengan majoriti tiga per empat (3/4) daripada undi yang dibuat. Jika tidak disahkan, maka penggantungan itu ditarik balik secara automatik.
3. Ahli yang digantung akan kehilangan hak keahliannya. Ahli lain tidak boleh mengadakan hubungan kesukanan dengan Ahli yang digantung tersebut. Jawatankuasa Tatatertib dan Etika boleh mengenakan sekatan yang selanjutnya.
4. Ahli yang tidak turut serta dalam Aktiviti Bola Sepak FAM bagi sekurang-kurangnya dua (2) daripada semua Aktiviti Bola Sepak sepanjang satu tempoh selama empat (4) tahun berturut-turut melainkan



dikecualikan atas budi bicara Kongres hendaklah digantung daripada mengundi dalam Kongres, dan wakilnya tidak akan dipilih atau dilantik sehingga Ahli itu telah menunaikan obligasinya dalam hal ini.

5. Ahli yang masih belum membayar yurannya pada 1 Januari setiap tahun kalendar tidak akan lagi menjadi Ahli FAM. Walau bagaimanapun, pada bila-bila masa setelah bayaran tunggakan itu dibuat, keahlian Ahli boleh dikembalikan semula mengikut budi bicara Kongres.

Artikel 18 Pemecatan

1. Kongres boleh memecat Ahli jika:
 - i. gagal memenuhi obligasi kewangannya terhadap FAM; atau
 - ii. melanggar secara serius Statut, Peraturan, arahan atau keputusan FIFA, AFC dan FAM.
2. Kehadiran majoriti Ahli (50% + 1) yang layak mengundi dalam Kongres diperlukan bagi mengesahkan pemecatan, dan usul pemecatan mestilah diterima dengan majoriti tiga per empat (3/4) daripada undi sah yang dibuat.

Artikel 19 Pemberhentian

1. Ahli boleh berhenti daripada FAM dengan berkuatkuasa pada akhir setiap tahun kalendar. Notis pemberhentian keahlian mestilah dihantar kepada Sekretariat Agung tidak lewat daripada enam (6) bulan sebelum berakhir tahun kalendar.
2. Pemberhentian adalah tidak sah sehingga Ahli yang hendak berhenti itu telah memenuhi obligasi kewangannya terhadap FAM dan Ahli yang lain.

Artikel 20 Kebebasan Ahli dan Badan mereka

1. Setiap Ahli hendaklah menguruskan hal ehwalnya secara bebas dan tanpa pengaruh yang tidak wajar daripada pihak ketiga.
2. Badan Ahli hendaklah sama ada dipilih atau dilantik. Statut Ahli hendaklah memperuntukkan prosedur demokrasi yang menjamin kebebasan sepenuhnya pemilihan atau pelantikan.
3. Mana-mana badan Ahli yang belum dipilih atau dilantik mengikut peruntukan perenggan 2 di atas, walaupun secara interim, tidak akan diiktiraf oleh FAM.
4. Keputusan yang diluluskan oleh badan yang belum dipilih atau dilantik mengikut perenggan 2 di atas tidak akan diiktiraf oleh FAM.

Artikel 21 Status Kelab, Persatuan Negeri dan Kumpulan Kelab yang lain

1. PBN, PBD dan Kelab atau mana-mana kumpulan kelab lain yang bergabung dengan FAM atau Ahlinya mestilah di bawah dan diiktiraf oleh FAM.
2. Statut ini menentukan skop kuasa dan hak serta tugas Kelab dan kumpulan ini. Statut dan peraturan



persatuan bagi kumpulan ini hendaklah selaras dengan kehendak dan obligasi Statut dan peraturan FAM. FAM hendaklah mempunyai tanggungjawab utama untuk mengawal selia perkara yang berkaitan dengan pengadilan, memerangi penyalahgunaan dadah, pendaftaran pemain, pelesenan kelab, penganan tindakan tatatertib, termasuk salah laku etika, serta langkah yang diperlukan untuk melindungi integriti pertandingan.

3. Kelab dan kumpulan kelab yang bergabung dengan FAM atau Ahli atau PBN atau PBD hendaklah membuat segala keputusan tentang apa-apa perkara berkenaan dengan keahlian mereka secara bebas tanpa bergantung pada mana-mana badan luar. Obligasi ini terpakai tanpa mengambil kira struktur korporat kelab tersebut.
4. Walau bagaimanapun, tiada orang sebenar ataupun orang di sisi undang-undang (termasuk syarikat pemegang dan subsidiari) yang akan mengawal lebih daripada satu Kelab atau kumpulan apabila keutuhan mana-mana permainan atau Pertandingan mungkin terjejas.
5. FAM tidak akan bertanggung jawab bagi komitmen kewangan Ahli, PBN, PBD dan Kelab. Ahli, PBN, PBD atau Kelab bertanggung jawab bagi kelakuan dan komitmen kewangan masing-masing terhadap FIFA, AFC, AFF, FAM Pemain, jurulatih dan pihak ketiga.



BAHAGIAN III PRESIDEN KEHORMAT DAN AHLI KEHORMAT

Artikel 22 Presiden Kehormat dan Ahli Kehormat

1. Kongres boleh mengurniakan gelaran Presiden Kehormat atau Ahli Kehormat kepada mana-mana individu kerana khidmatnya yang patut dipuji dalam Bola Sepak.
2. Jawatankuasa Eksekutif akan membuat penamaan ini.
3. Presiden Kehormat atau Ahli Kehormat boleh mengambil bahagian dalam Kongres. Mereka boleh menyertai perdebatan tetapi tidak boleh mengundi.



BAHAGIAN IV ORGANISASI

Artikel 23 Peraturan Organisasi FAM

Jawatankuasa Eksekutif hendaklah meluluskan Peraturan Organisasi FAM sebagai sokongan dan tambahan kepada Statut ini seperti yang dikehendaki.

Artikel 24 Badan

1. Kongres ialah badan tertinggi dan perundangan FAM.
2. Jawatankuasa Eksekutif ialah badan eksekutif dan strategik FAM.
3. Sekretariat Agung ialah urus setia FAM di bawah penyeliaan Setiausaha Agung.
4. Jawatankuasa Tetap dan Ad-Hoc hendaklah menasihati dan membantu Jawatankuasa Eksekutif dalam menjalankan tugasnya. Tugas, komposisi dan fungsi Jawatankuasa Tetap dan Ad-Hoc ini hendaklah ditakrifkan di dalam Statut dan mengikut Peraturan Organisasi FAM.
5. Jawatankuasa bebas ialah Jawatankuasa Audit dan Pematuhan, Jawatankuasa Pemilihan dan Badan Kehakiman.
6. Badan Kehakiman ialah Jawatankuasa Tatatertib dan Etika dan Jawatankuasa Rayuan.
7. Badan Pelesenan Kelab adalah badan yang bertanggung jawab ke atas sistem pelesenan kelab di FAM.
8. Badan FAM hendaklah dipilih atau dilantik oleh FAM sendiri tanpa apa-apa pengaruh luar dan menurut prosedur yang diberikan dalam Statut ini.
9. Mana-mana ahli badan mesti menarik diri daripada perbahasan dan membuat keputusan jika terdapat sebarang risiko atau kemungkinan konflik kepentingan. Khususnya, ahli badan hendaklah sentiasa mengetahui, dan mematuhi, peruntukan Kod Etika FIFA yang berkaitan mengenai konflik kepentingan dan menyesuaikan kelakuan mereka seperti yang perlu (cth. menahan diri daripada melaksanakan tugas mereka, memberitahu pengerusi dalam kes-kes potensi konflik kepentingan, dsb.).

Artikel 25 Pemecatan Ahli Sesebuah Badan

1. Kongres boleh memecat ahli (iaitu pegawai) sesuatu badan. Jawatankuasa Eksekutif juga boleh memecat ahli sesuatu badan buat sementara waktu, kecuali ahli jawatankuasa bebas. Pemecatan sementara yang diluluskan oleh Jawatankuasa Eksekutif hendaklah disahkan oleh Kongres seterusnya, melainkan Jawatankuasa Eksekutif telah menarik baliknya dalam masa yang sama. Jika Kongres seterusnya adalah bersifat elektif, ahli yang diberhentikan hendaklah dibenarkan menjadi calon elektif (dengan syarat beliau memenuhi kriteria kelayakan yang berkaitan) atas dasar bersyarat bergantung kepada keputusan muktamad Kongres mengenai pemecatannya yang akan diambil sebelum pemilihan.
2. Usul pemecatan mestilah berasas dan hendaklah dihantar kepada ahli Jawatankuasa Eksekutif dan/

atau kepada Ahli FAM bersama-sama agenda masing-masing.

3. Ahli badan berkenaan mempunyai hak untuk membela diri di hadapan Jawatankuasa Eksekutif dan/ atau Kongres.
4. Usul pemecatan hendaklah diputuskan melalui undi sulit di Jawatankuasa Eksekutif dan/atau Kongres. Untuk usul itu diluluskan, majoriti dua pertiga (2/3) undi sah diperlukan.
5. Individu, pegawai atau badan yang diberhentikan (sementara) dilepaskan daripada fungsinya berkuat kuasa serta-merta.



A. KONGRES

Artikel 26 Takrif dan Komposisi Kongres

1. Kongres ialah mesyuarat di mana semua Ahli bersidang secara tetap. Ia mewakili badan tertinggi dan perundangan FAM. Hanya Kongres yang bersidang mengikut prosedur sewajarnya mempunyai kuasa untuk membuat keputusan.
2. Kongres hendaklah ditubuhkan mengikut prinsip demokrasi perwakilan dan hendaklah mengambil kira kepentingan kesaksamaan jantina dalam bola sepak.
3. Kongres boleh terdiri sama ada daripada Kongres Biasa ataupun Kongres Luar Biasa.
4. Presiden hendaklah mengendalikan urusan Kongres mengikut Peraturan Tetap Kongres serta mana-mana peraturan yang berkenaan.
5. Jawatankuasa Eksekutif boleh melantik pemerhati yang boleh mengambil bahagian dalam Kongres tanpa hak untuk berdebat atau mengundi.
6. Presiden Kehormat atau Ahli Kehormat boleh mengambil bahagian dalam Kongres. Mereka boleh turut serta dalam perdebatan tetapi tidak boleh mengundi.

Artikel 27 Perwakilan dan Undian

1. Kongres terdiri daripada 40 perwakilan, seperti berikut:
 - i. untuk empat belas Persatuan Bola Sepak Negeri: 28 perwakilan (dua (2) perwakilan setiap Persatuan Bola Sepak Negeri)
 - ii. untuk Persatuan Bola Sepak Polis Diraja Malaysia: dua (2) perwakilan
 - iii. bagi Persatuan Bola Sepak Angkatan Tentera Malaysia: dua (2) perwakilan
 - iv. untuk Persatuan Bola Sepak Melayu Malaysia: dua (2) perwakilan
 - v. untuk Majlis Sukan India Malaysia: dua (2) perwakilan
 - vi. untuk Persatuan Bola Sepak Cina Malaysia: dua (2) perwakilan
 - vii. untuk Persatuan Jurulatih Bola Sepak Malaysia: dua (2) perwakilan
2. Perwakilan mestilah daripada Ahli yang mereka wakili dan dipilih dan/atau dilantik oleh badan tertentu bagi Ahli tersebut. Perwakilan juga mestilah mengemukakan bukti jika diminta.
3. Setiap Ahli akan mempunyai satu (1) undi dan berhak diwakili oleh maksimum dua (2) perwakilan untuk menyertai Kongres. Satu (1) daripada dua (2) perwakilan hendaklah menggunakan hak untuk mengundi bagi pihak Ahli. Mengundi melalui proksi atau melalui surat tidak dibenarkan.
4. Jawatankuasa Eksekutif, Setiausaha Agung dan Bendahari hendaklah mengambil bahagian dalam Kongres tanpa hak mengundi. Semasa memegang jawatan, ahli Jawatankuasa Eksekutif tidak boleh dilantik sebagai perwakilan bagi mana-mana Ahli.



Artikel 28 Bidang Kuasa

Kongres mempunyai bidang kuasa berikut:

1. menerima pakai atau meminda Statut, Peraturan yang mengawal penggunaan Statut dan Peraturan Tetap Kongres;
2. melantik tiga (3) ahli untuk memeriksa minit mesyuarat;
3. memilih seorang (1) Presiden, dua (2) Timbalan Presiden, empat (4) Naib Presiden dan sepuluh (10) ahli yang mana sekurang-kurangnya dua (2) diperuntukkan untuk wanita;
4. memilih pengerusi, timbalan pengerusi dan ahli jawatankuasa bebas (iaitu Jawatankuasa Audit dan Pematuhan, Jawatankuasa Pemilihan dan Badan Kehakiman), atas cadangan Jawatankuasa Eksekutif;
5. melantik pengawas pemilihan untuk mengira undi dan membantu Setiausaha Agung mengedarkan kertas undi yang dikeluarkan untuk pemilihan;
6. meluluskan penyata kewangan tahunan yang telah diaudit, termasuk penyata kewangan disatukan dan laporan tahunan;
7. meluluskan belanjawan;
8. meluluskan laporan aktiviti FAM;
9. melantik juruaudit bebas atas cadangan Jawatankuasa Eksekutif;
10. menetapkan yuran keahlian atas cadangan Jawatankuasa Eksekutif;
11. membuat keputusan di atas cadangan Jawatankuasa Eksekutif sama ada untuk mengurniakan gelaran Presiden Kehormat atau Ahli Kehormat;
12. menerima masuk, menggantung atau memecat Ahli;
13. memecat ahli badan FAM;
14. menerima, menolak atau membatalkan cadangan yang dikemukakan oleh Ahli dan Jawatankuasa Eksekutif;
15. membubarkan FAM mengikut Artikel 93;
16. meluluskan minit mesyuarat yang lalu; dan
17. meluluskan keputusan atas permintaan Ahli menurut Statut ini atau meluluskan sebarang keputusan yang diamanahkan kepada Kongres menurut Statut ini.

Artikel 29 Kuorum Kongres

1. Keputusan yang diluluskan oleh Kongres hanya sah jika majoriti (lebih daripada 50%) daripada jumlah perwakilan yang mewakili Ahli yang layak mengundi hadir.
2. Jika tidak cukup kuorum, Kongres yang kedua hendaklah diadakan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas Kongres pertama.
3. Tidak perlu cukup kuorum dalam mesyuarat kedua melainkan mana-mana butiran dalam agenda



mencadangkan pindaan Statut FAM, pemilihan Presiden, Timbalan Presiden, Naib Presiden dan ahli Jawatankuasa Eksekutif, pengantungan dan penyingkiran Ahli atau pembubaran FAM.

4. Sebaik sahaja diisytiharkan bahawa Kongres telah diadakan dan diubah mengikut Statut ini, kuorum tidak boleh dipengaruhi oleh perwakilan yang meninggalkan.

Artikel 30 Keputusan Kongres

1. Majoriti (lebih daripada 50%) dari perwakilan yang mewakili Ahli yang hadir dan layak mengundi sudah mencukupi untuk mengesahkan sesuatu pengundian melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Statut. Bilangan undi sah yang dikira akan menentukan majoriti.
2. Kertas undi yang rosak atau kosong, undi tidak sah atau undi elektronik yang dimanipulasi dalam apa jua cara serta berkecuali hendaklah diketepikan semasa mengira majoriti.
3. Sesuatu keputusan yang memerlukan undi hendaklah dicapai dengan mengangkat tangan. Jika pengundian secara mengangkat tangan tidak menghasilkan majoriti nyata yang menyokong sesuatu usul itu, maka pengundian itu hendaklah dibuat dengan cara memanggil nama mengikut susunan abjad.

Artikel 31 Pemilihan

1. Pemilihan hendaklah dijalankan secara undi sulit.
2. Pemilihan hendaklah dijalankan mengikut Kod Pemilihan FAM dan hendaklah diselia oleh Jawatankuasa Pemilihan.
3. Jika calon tidak mempunyai lawan untuk kerusi itu, mereka boleh dipilih secara mengangkat tangan atau dengan sebulat suara.
4. Tiada pengundian melalui surat atau proksi dibenarkan.
5. Pemilihan jawatan Jawatankuasa Eksekutif hendaklah dijalankan mengikut jawatan dan hendaklah mengikut perintah yang telah ditetapkan di bawah Artikel 38 perenggan 2 Statut ini.
6. Setiap calon hendaklah mendapatkan jumlah pencalonan minimum daripada Ahli mengikut jawatan yang dipertandingkan seperti berikut:
 - i. Presiden FAM - enam (6) pencalonan
 - ii. Timbalan Presiden FAM - lima (5) pencalonan
 - iii. Naib Presiden FAM - empat (4) pencalonan
 - iv. Ahli Jawatankuasa Eksekutif - dua (2) pencalonan

Setiap Ahli hanya boleh mencalonkan seorang calon bagi setiap jawatan dalam Jawatankuasa Eksekutif. Sekiranya Ahli menamakan lebih daripada seorang calon untuk mana-mana jawatan tertentu, semua pencalonannya untuk jawatan berkenaan akan diisytiharkan terbatal.

7. Jawatan Presiden hendaklah dipilih seperti berikut:
 - i. di mana terdapat dua (2) calon pada undian pertama, majoriti (lebih daripada 50%) daripada



- jumlah undi sah oleh perwakilan yang mewakili Ahli yang hadir dan layak mengundi adalah perlu; dan
- ii. di mana terdapat lebih daripada dua (2) calon pada undian pertama, dua pertiga (2/3) daripada undi perwakilan yang mewakili Ahli yang hadir dan layak mengundi adalah perlu. Sekiranya tiada calon menerima dua pertiga (2/3) undi pada undian pertama, semua calon akan dibawa ke undian kedua. Dari undian kedua (jika perlu) dan seterusnya, majoriti (lebih daripada 50%) daripada jumlah undi sah oleh perwakilan yang mewakili Ahli yang hadir dan layak mengundi adalah perlu. Sekiranya tiada calon dipilih, calon yang mendapat undian terendah hendaklah disingkirkan daripada undian berikutnya. Proses ini akan diteruskan (jika perlu) sehingga dua (2) calon yang tinggal dan majoriti (melebihi 50%) dicapai.
8. Jawatan-jawatan lain yang disenaraikan dalam Artikel 38 perenggan 1 (ii, iii dan iv) hendaklah dipilih seperti berikut:
- i. calon yang mendapat undian tertinggi iaitu majoriti mudah undi yang direkodkan adalah sah dalam pemilihan semasa Kongres tersebut;
 - ii. sekiranya calon yang mempunyai undi terbanyak menarik diri daripada dipilih, maka calon yang mencatatkan jumlah undian kedua tertinggi adalah sah untuk dipilih semasa Kongres tersebut;
 - iii. jika dua (2) atau lebih calon memperoleh jumlah undi yang sama untuk memenuhi kuota Jawatankuasa Eksekutif, maka undian kedua perlu dijalankan khusus untuk calon tersebut sahaja;
 - iv. dalam undian kedua, calon yang mendapat undian terendah akan disingkirkan daripada pemilihan; dan
 - v. sekiranya masih tiada keputusan majoriti, maka Kongres yang bersidang akan menentukan kaedah yang sesuai untuk pemilihan dan keputusan adalah muktamad.
9. Pengerusi, Timbalan Pengerusi, dan ahli jawatankuasa bebas (Jawatankuasa Audit dan Pematuhan, Jawatankuasa Pemilihan dan badan Kehakiman) hendaklah dipilih oleh Kongres dengan majoriti (lebih daripada 50% peratus) jumlah undi yang dikeluarkan.
10. Sekiranya undian terikat dalam mana-mana pemilihan mana-mana badan FAM, dua undian baharu hendaklah dijalankan mengikut prosedur yang ditetapkan dalam Artikel ini. Jika undian terikat kekal, jawatan yang berkaitan hendaklah kekal kosong sehingga Kongres elektif baharu bersidang dengan pemilihan baharu mengikut Statut ini.
11. Percalonan untuk mana-mana jawatan Jawatankuasa Eksekutif hendaklah dihantar kepada sekretariat agung sekurang-kurangnya 30 hari sebelum Kongres elektif yang berkaitan. Senarai rasmi calon hendaklah diserahkan kepada Ahli FAM pada tujuh (7) hari sebelum Kongres di mana ahli berkenaan akan dipilih. Peruntukan perenggan ini hendaklah juga terpakai apabila pemilihan berlaku semasa Kongres luar biasa.
12. Percalonan bagi mana-mana jawatan jawatankuasa bebas hendaklah diserahkan kepada Ahli FAM pada tujuh (7) hari sebelum Kongres di mana ahli berkenaan akan dipilih.



Artikel 32 Kongres Biasa

1. Kongres Biasa hendaklah diadakan setiap tahun.
2. Jawatankuasa Eksekutif hendaklah menetapkan tarikh, tempat dan masa. Ahli hendaklah diberitahu secara bertulis sekurang-kurangnya empat puluh lima (45) hari lebih awal mengenai tarikh, tempat dan masa.
3. Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif hendaklah diadakan sebelum tarikh Kongres. Mesyuarat ini hendaklah mengandungi agenda, laporan tahunan, penyata kewangan yang telah diaudit dan mana-mana dokumen lain yang berkaitan.
4. Konvokesyen rasmi hendaklah dibuat secara bertulis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh Kongres, konvokesyen ini hendaklah mengandungi agenda, laporan aktiviti, penyata kewangan yang diaudit, laporan juruaudit bebas dan luar dan mana-mana dokumen lain yang berkaitan.

Artikel 33 Agenda Kongres Biasa

1. Setiausaha Agung hendaklah merangka agenda berdasarkan cadangan daripada Jawatankuasa Eksekutif dan Ahli. Apa-apa cadangan yang ingin dikemukakan oleh Ahli kepada Kongres hendaklah dihantar ke Sekretariat Agung secara bertulis, dengan disertakan penjelasan ringkas, selewat-lewatnya dalam masa tiga puluh (30) hari sebelum tarikh Kongres.
2. Agenda Kongres hendaklah termasuk butir-butir mandatori berikut:
 - i. mengisytiharkan Kongres sudah dimulakan dan dibentuk menurut Statut FAM;
 - ii. meluluskan agenda;
 - iii. ucapan Presiden;
 - iv. melantik Ahli untuk memeriksa minit mesyuarat;
 - v. melantik pengawas pemilihan;
 - vi. menggantung atau memecat Ahli (jika berkenaan);
 - vii. meluluskan minit Kongres yang lalu;
 - viii. laporan aktiviti tahunan (mengandungi aktiviti sejak Kongres sebelumnya);
 - ix. meluluskan penyata kewangan yang telah diaudit mengandungi:
 - a. kunci kira-kira, dan
 - b. penyata pendapatan dan perbelanjaan.
 - x. meluluskan belanjawan;
 - xi. menerima masuk Keahlian (jika berkenaan);
 - xii. mengundi cadangan untuk pindaan Statut, Peraturan yang Mengawal Penggunaan Statut dan Peraturan Tetap Kongres (jika berkenaan);
 - xiii. perbincangan cadangan yang dikemukakan oleh Ahli dan Jawatankuasa Eksekutif mengikut



- prosedur yang ditetapkan di bawah Artikel 33 perenggan 1 Statut ini;
- xiv. melantik juruaudit bebas dan luar (jika berkenaan) atas cadangan Jawatankuasa Eksekutif;
 - xv. pelantikan pemegang amanah atas cadangan Jawatankuasa Eksekutif;
 - xvi. memecat individu atau badan (jika berkenaan);
 - xvii. pemilihan (sekurang-kurangnya dua (2) jawatan hendaklah untuk wanita):
 - a. Presiden FAM;
 - b. dua (2) Timbalan Presiden FAM;
 - c. empat (4) Naib Presiden FAM;
 - d. sepuluh (10) Ahli Jawatankuasa Eksekutif FAM;
 - xviii. pemilihan ahli jawatankuasa bebas, iaitu Jawatankuasa Audit Pematuhan, Jawatankuasa Pemilihan dan Badan Kehakiman (jika berkenaan)
3. Kongres tidak boleh membuat keputusan mengenai mana-mana perkara yang tidak termasuk dalam agenda.
 4. Agenda Kongres Biasa boleh diubah, dengan syarat tiga perempat (3/4) daripada perwakilan yang mewakili Ahli yang hadir di Kongres dan layak mengundi bersetuju dengan usul sedemikian.

Artikel 34 Kongres Luar Biasa

1. Jawatankuasa Eksekutif boleh mengadakan Kongres Luar Biasa pada bila-bila masa.
2. Jawatankuasa Eksekutif hendaklah mengadakan Kongres Luar Biasa jika majoriti (lebih daripada 50%) daripada Ahli membuat permintaan bertulis. Permintaan ini hendaklah menetapkan butiran agenda. Kongres Luar Biasa perlu diadakan dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas menerima permintaan bertulis tersebut. Jika Kongres Luar Biasa tidak diadakan dalam tempoh itu, Ahli yang membuat permintaan itu boleh mengadakan Kongres itu sendiri.
3. Ahli hendaklah dimaklumkan tentang tempat, tarikh dan agenda sekurang-kurangnya sepuluh (10) hari sebelum tarikh Kongres Luar Biasa.
4. Apabila Kongres Luar Biasa diadakan atas usaha Jawatankuasa Eksekutif, maka pihak Jawatankuasa Eksekutif mestilah merangka agenda. Apabila Kongres Luar Biasa diadakan atas permintaan Ahli, maka agenda mestilah mengandungi butiran yang dibangkitkan oleh Ahli.
5. Agenda Kongres Luar Biasa tidak boleh dipinda.

Artikel 35 Pindaan kepada Statut (Peraturan yang Mengawal Penggunaan Statut dan Peraturan Tetap Kongres)

1. Kongres bertanggungjawab meminda Statut, Peraturan yang Mengawal Penggunaan Statut dan Peraturan Tetap Kongres.
2. Apa-apa cadangan untuk meminda Statut mestilah dikemukakan secara bertulis berserta dengan



penjelasan ringkas kepada Sekretariat Agung oleh Ahli atau Jawatankuasa Eksekutif. Cadangan yang dikemukakan oleh Ahli adalah sah, dengan syarat cadangan itu disokong secara bertulis oleh sekurang-kurangnya dua (2) Ahli yang lain.

3. Apa-apa cadangan untuk meminda Peraturan yang Mengawal Penggunaan Statut dan Peraturan Tetap Kongres hendaklah dikemukakan secara bertulis dengan penjelasan ringkas kepada Sekretariat Agung oleh Ahli atau Jawatankuasa Eksekutif.
4. Untuk undian pada pindaan kepada Statut, Peraturan yang Mengawal Penggunaan Statut dan Peraturan Tetap Kongres menjadi sah, majoriti (lebih daripada 50%) perwakilan yang mewakili Ahli yang layak mengundi mesti hadir.
5. Cadangan untuk meminda Statut, Peraturan yang Mengawal Penggunaan Statut dan Peraturan Tetap Kongres hendaklah diterima pakai hanya jika tiga perempat ($\frac{3}{4}$) daripada perwakilan yang mewakili Ahli yang hadir dan layak mengundi bersetuju.

Artikel 36 Minit Kongres

Setiasaha Agung bertanggungjawab untuk mencatat minit dalam Kongres. Minit Kongres hendaklah disemak oleh Ahli yang dilantik dan akhirnya diluluskan dalam Kongres berikutnya.

Artikel 37 Tarikh Keputusan Berkuatkuasa

Keputusan yang diluluskan oleh Kongres hendaklah mula berkuatkuasa ke atas Ahli 30 hari selepas penutupan Kongres, melainkan Kongres menetapkan tarikh lain bagi keputusan itu berkuatkuasa.



B. JAWATANKUASA EKSEKUTIF

Artikel 38 Komposisi

1. Jawatankuasa Eksekutif terdiri daripada tujuh belas (17) Ahli (sekurang-kurangnya dua (2) daripadanya hendaklah untuk wanita):
 - i. Presiden;
 - ii. Dua (2) Timbalan Presiden;
 - iii. Empat (4) Naib Presiden;
 - iv. Sepuluh (10) ahli
2. Jawatankuasa Eksekutif mesti dipilih oleh Kongres mengikut Artikel 31. Mereka hendaklah menjalani pemeriksaan integriti, yang akan dijalankan oleh Jawatankuasa Pemilihan, sebelum pemilihan atau pemilihan semula mereka.
3. Tempoh jawatan Jawatankuasa Eksekutif ialah empat (4) tahun. Mereka boleh dipilih semula. Mandat mereka hendaklah bermula serta-merta selepas berakhirnya Kongres yang telah memilih mereka dan tamat pada akhir Kongres di mana pengganti mereka dipilih. Tiada seorang pun boleh berkhidmat sebagai Presiden selama lebih daripada tiga (3) penggal jawatan (sama ada berturut-turut atau tidak). Semua ahli lain (termasuk mana-mana Timbalan Presiden dan Naib Presiden) Jawatankuasa Eksekutif boleh berkhidmat tidak lebih daripada tiga (3) penggal jawatan (sama ada berturut-turut atau tidak). Mana-mana tempoh separa jawatan hendaklah dikira sebagai satu penggal penuh.
4. Pada mesyuarat pertama Jawatankuasa Eksekutif, Presiden hendaklah menamakan salah seorang Timbalan Presiden yang akan bertanggungjawab sekiranya Presiden tidak hadir.
5. Ahli Jawatankuasa Eksekutif mestilah terlibat secara aktif dalam Bola Sepak dan mempunyai tempat tinggal di dalam wilayah Malaysia.
6. Ahli Jawatankuasa Eksekutif tidak boleh pada masa yang sama menjadi ahli jawatankuasa bebas dan tidak boleh dilantik/dipilih sebagai perwakilan mewakili Ahli di Kongres FAM.
7. Jika terdapat kekosongan jawatan, Jawatankuasa Eksekutif bolehlah mengisi jawatan itu sehingga Kongres Biasa berikutnya, apabila pemilihan baharu akan dibuat bagi baki tempoh mandat tersebut.
8. Jika lebih daripada 50% jawatan Jawatankuasa Eksekutif menjadi kosong, Setiausaha Agung hendaklah mengadakan Kongres Luar Biasa dalam tempoh masa yang ditetapkan.
9. Mana-mana jawatan dalam Jawatankuasa Eksekutif hendaklah dianggap kosong sekiranya berlaku kematian, peletakan jawatan atau jika ahli berkenaan dihalang secara kekal daripada menjalankan fungsi rasminya.
10. Setiap pencalonan mestilah mengikut sebarang peruntukan tambahan yang terkandung dalam Kod Pemilihan FAM.



Artikel 39 Mesyuarat

1. Jawatankuasa Eksekutif hendaklah menetapkan terma-terma rujukan Jawatankuasa Eksekutif, peraturan-peraturan untuk mesyuarat dan keupayaannya untuk membuat keputusan di bawah Peraturan Organisasi FAM.
2. Jawatankuasa Eksekutif hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun.
3. Setiausaha Agung mestilah menyusun agenda. Setiap Ahli Jawatankuasa Eksekutif boleh mencadangkan perkara untuk dimasukkan ke dalam agenda dan hendaklah mengemukakan perkara-perkara untuk dimasukkan ke dalam agenda mesyuarat kepada Sekretariat Agung sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum mesyuarat. Agenda tersebut bolehlah dihantar kepada ahli Jawatankuasa Eksekutif sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum mesyuarat.
4. Setiausaha Agung hendaklah mengambil bahagian dalam mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif dalam peranan perundingan dan tanpa hak mengundi. Sekiranya Setiausaha Agung tidak dapat menghadiri mesyuarat, beliau boleh mencalonkan seorang wakil untuk menghadiri mesyuarat bagi pihaknya, tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Eksekutif.
5. Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif tidak boleh diadakan secara terbuka. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Eksekutif boleh menjemput pihak ketiga untuk hadir. Pihak ketiga tersebut tidak mempunyai hak mengundi, dan hanya boleh menyatakan pendapat dengan kebenaran Jawatankuasa Eksekutif.
6. Presiden juga boleh memanggil Jawatankuasa Eksekutif secara segera untuk menangani sebarang perkara yang memerlukan penyelesaian segera antara dua mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif. Jika ahli Jawatankuasa Eksekutif tidak dapat bertemu secara fizikal, keputusan boleh dibuat melalui cara komunikasi moden yang lain yang membolehkan ahli melihat dan mendengar satu sama lain (cth. zoom, Teams, dsb.).
7. Jika keadaan memerlukan, Presiden boleh memanggil mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif melalui persidangan video. Dalam kes sedemikian, Jawatankuasa Eksekutif boleh menimbang dan membuat sebarang keputusan, dan ia adalah sah dan berkesan seolah-olah ia telah diluluskan pada mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif yang dipanggil dan diadakan secara bersemuka.

Artikel 40 Kuasa Jawatankuasa Eksekutif

Jawatankuasa Eksekutif hendaklah mempunyai kuasa berikut:

1. hendaklah meluluskan keputusan tentang segala hal yang tidak termasuk dalam skop tanggungjawab Kongres atau yang tidak dikhaskan kepada badan lain mengikut undang-undang atau di bawah Statut ini;
2. dengan bantuan Sekretariat Agung, hendaklah membuat persiapan dan mengadakan Kongres Biasa dan Luar Biasa FAM;
3. hendaklah melantik Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan ahli Jawatankuasa Tetap;
4. mencadangkan Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan ahli jawatankuasa bebas (iaitu: Jawatankuasa Audit dan Pematuhan, Jawatankuasa Pemilihan dan Badan Kehakiman) kepada Kongres;
5. melantik Setiausaha Agung atas cadangan Presiden. Setiausaha Agung boleh dipecat oleh



Jawatankuasa Eksekutif tanpa cadangan Presiden terlebih dahulu.

6. boleh memutuskan untuk mewujudkan Jawatankuasa Ad-Hoc jika perlu pada bila-bila masa;
7. hendaklah meluluskan dan menyusun Peraturan bagi penubuhan Jawatankuasa Tetap dan Jawatankuasa Ad-Hoc;
8. hendaklah mencadangkan juruaudit bebas kepada Kongres;
9. hendaklah menetapkan tempat dan tarikh serta bilangan pasukan yang menyertai pertandingan FAM;
10. hendaklah melantik jurulatih bagi pasukan-pasukan dan kakitangan teknikal yang lain;
11. hendaklah meluluskan Peraturan yang menetapkan cara pentadbiran dalaman FAM;
12. hendaklah memastikan Statut digunakan dan menerima pakai persetujuan eksekutif yang dikehendaki untuk penggunaannya;
13. boleh memecat seseorang Pegawai atau sesebuah badan atau menggantung Ahli atau Pegawai buat sementara waktu sehingga Kongres berikutnya;
14. boleh mewakili tugas mengikut bidang kuasanya kepada badan FAM yang lain atau kepada pihak ketiga;
15. hendaklah menggubal, meminda dan meluluskan Kod, peraturan-peraturan, undang-undang kecil, kaedah dan garis panduan yang telah disahkan oleh Jawatankuasa Tetap, Jawatankuasa Ad-Hoc dan Badan Kehakiman FAM.

Artikel 41 Keputusan

1. Jawatankuasa Eksekutif tidak boleh mengambil bahagian dalam perbahasan yang sah melainkan majoriti (lebih daripada 50%) ahlinya hadir.
2. Jawatankuasa Eksekutif hendaklah membuat keputusan dengan majoriti (lebih daripada 50%) ahli yang hadir. Sekiranya undi seri, Presiden akan mempunyai undi pemutus. Mengundi melalui proksi atau surat tidak dibenarkan.
3. Mana-mana ahli Jawatankuasa Eksekutif mesti menarik diri daripada perbahasan dan daripada mengambil keputusan jika terdapat sebarang risiko atau kemungkinan konflik kepentingan.
4. Keputusan yang diambil hendaklah direkodkan dalam minit.



C. PRESIDEN

Artikel 42 Presiden

1. Presiden mewakili FAM secara sah.
2. Presiden bertanggungjawab terutamanya untuk:
 - i. melaksanakan keputusan yang diluluskan oleh Kongres dan Jawatankuasa Eksekutif melalui Sekretariat Agung;
 - ii. memastikan FAM berfungsi secara efektif untuk mencapai objektif yang ditetapkan dalam Statut;
 - iii. menyelia kerja Sekretariat Agung;
 - iv. mewujudkan hubungan baik antara FAM dengan Ahlinya, FIFA, AFC, AFF badan politik dan organisasi lain.
3. Presiden boleh melantik atau memecat Setiausaha Agung dan Bendahari atas nasihat Jawatankuasa Eksekutif.
4. Presiden hendaklah memperkerusi Kongres, mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif dan jawatankuasa lain yang beliau dilantik sebagai Pengerusi.
5. Presiden hendaklah mempunyai satu undi biasa dalam Jawatankuasa Eksekutif dan apabila bilangan undi sama banyak, beliau hendaklah mempunyai undi pemutus.
6. Jika Presiden tidak hadir atau tidak ada, salah seorang Timbalan Presiden hendaklah menggantikan tempatnya.
7. Jika jawatan Presiden menjadi kosong dalam pengertian Artikel 38 perenggan 9 Statut ini, Timbalan Presiden yang paling lama berkhidmat akan menggantikan sehingga Kongres seterusnya. Kongres ini hendaklah memilih Presiden baharu untuk baki tempoh jawatan.
8. Apa-apa kuasa tambahan Presiden hendaklah terkandung dalam Peraturan Organisasi FAM.

Artikel 43 Wakil dan Tandatangan

Presiden mewakili FAM secara amnya dan berhak untuk menurunkan tandatangannya bagi pihak FAM. Jawatankuasa Eksekutif boleh merangka dalam Peraturan Organisasi FAM mengenai tandatangan bersama pegawai, khususnya, dalam kes ketiadaan Presiden dan berkaitan semua urusan-urusan penting FAM.



D. SEKRETARIAT AGUNG

Artikel 44 Sekretariat Agung

Sekretariat Agung ialah badan eksekutif, operasi dan pentadbiran dan hendaklah menjalankan semua kerja FAM di bawah arahan Setiausaha Agung. Ahli-ahli Sekretariat Agung terikat dengan Peraturan Organisasi FAM dan hendaklah melaksanakan tugas yang diberikan dengan sebaik mungkin.

Artikel 45 Setiausaha Agung

1. Setiausaha Agung ialah ketua pegawai eksekutif FAM.
2. Setiausaha Agung hendaklah dilantik oleh Jawatankuasa Eksekutif atas cadangan Presiden atas dasar perjanjian yang ditadbir oleh undang-undang persendirian dan hendaklah mempunyai kelayakan profesional dan/atau pengalaman yang diperlukan.
3. Setiausaha Agung hendaklah bertanggungjawab untuk:
 - i. melaksanakan keputusan yang diluluskan oleh Kongres dan Jawatankuasa Eksekutif dengan mematuhi arahan Presiden;
 - ii. menghadiri Kongres, Mesyuarat–mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif, Jawatankuasa Tetap, Jawatankuasa Ad-Hoc dan Badan Kehakiman FAM;
 - iii. menguruskan Kongres, Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif dan mesyuarat–mesyuarat lain;
 - iv. menyusun minit Kongres, mesyuarat–mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif, Jawatankuasa Tetap, Jawatankuasa Sementara serta Jawatankuasa Ad-Hoc;
 - v. surat-menyurat FAM;
 - vi. hubungan dengan Ahli, jawatankuasa, FIFA, AFC dan AFF;
 - vii. menguruskan Sekretariat Agung;
 - viii. melantik dan memecat kakitangan Sekretariat Agung;
 - ix. mencadangkan kakitangan pengurusan kepada Presiden; dan
 - x. menyediakan jawatankuasa pemilihan dengan sokongan logistik dan operasi untuk pemilihan.
4. Setiausaha Agung tidak boleh menjadi wakil Kongres atau ahli mana-mana badan FAM.
5. Kuasa tambahan Setiausaha Agung, termasuk kuasa yang jelas untuk mewakili FAM hendaklah terkandung dalam Peraturan Organisasi FAM.

Artikel 46 Bendahari

1. Bendahari hendaklah dilantik oleh Presiden atas nasihat Jawatankuasa Eksekutif.
2. Bendahari hendaklah menguruskan dan menyimpan akaun FAM dengan sempurna;



3. Bendahari hendaklah bertanggungjawab untuk
 - i. menyelia penyimpanan buku akaun dengan sempurna;
 - ii. menyerahkan penyata akaun bulanan;
 - iii. menyediakan Akaun Tahunan;
 - iv. membentangkan Akaun Tahunan dalam Kongres Tahunan; dan
 - v. menyerahkan akaun yang telah diaudit kepada Pesuruhjaya Sukan.
4. Semua akaun yang akan diserahkan kepada Kongres oleh Bendahari hendaklah mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Jawatankuasa Kewangan dan Pengurusan dan Jawatankuasa Eksekutif.



E. JAWATANKUASA TETAP

Artikel 47 Jawatankuasa Tetap

1. Jawatankuasa tetap terdiri daripada:
 - i. Jawatankuasa Kewangan dan Pengurusan;
 - ii. Jawatankuasa Pengurusan Pasukan Bola Sepak Kebangsaan;
 - iii. Jawatankuasa Pertandingan;
 - iv. Jawatankuasa Undang-undang;
 - v. Jawatankuasa Pengadil;
 - vi. Jawatankuasa Bola Sepak Wanita;
 - vii. Jawatankuasa Futsal dan Bola Sepak Pantai;
 - viii. Jawatankuasa Perubatan dan Sains Sukan;
 - ix. Jawatankuasa Status Pemain;
 - x. Jawatankuasa Media, Komunikasi dan Perhubungan Awam;
 - xi. Jawatankuasa Keselamatan;
 - xii. Jawatankuasa Integriti;
 - xiii. Jawatankuasa Tiket dan Stadium;
 - xiv. Jawatankuasa Teknikal dan Pembangunan;
 - xv. Jawatankuasa Pemasaran dan Penajaan.
2. Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Tetap hendaklah terdiri daripada ahli Jawatankuasa Eksekutif kecuali Jawatankuasa Keselamatan dan Jawatankuasa Integriti.
3. Ahli atau Presiden boleh mencadangkan ahli bagi setiap Jawatankuasa Tetap yang mana akan dilantik oleh Jawatankuasa Eksekutif. Jawatankuasa Eksekutif hendaklah memastikan perwakilan wanita yang sesuai dalam jawatankuasa tetap. Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan ahli Jawatankuasa Tetap hendaklah dilantik dalam tempoh jawatan selama empat (4) tahun.
4. Setiap Pengerusi hendaklah mewakili jawatankuasanya dan menjalankan aktivitinya dengan mematuhi Statut ini dan Peraturan Organisasi FAM yang disediakan oleh Jawatankuasa Eksekutif.
5. Setiap Pengerusi hendaklah menetapkan tarikh mesyuarat dengan kerjasama Setiausaha Agung dengan memastikan semua tugas dilaksanakan serta dilaporkan kepada Jawatankuasa Eksekutif.
6. Notis untuk mesyuarat Jawatankuasa Tetap dan mana-mana jawatankuasa lain hendaklah dikeluarkan sekurang-kurangnya tiga (3) hari sebelum tarikh mesyuarat.
7. Setiap jawatankuasa boleh mencadangkan pindaan terhadap terma rujukan di dalam Peraturan Organisasi FAM kepada Jawatankuasa Eksekutif.



8. Keputusan Jawatankuasa Tetap boleh dilaksanakan serta-merta kecuali diputuskan berlainan oleh Jawatankuasa Eksekutif.
9. Jika diperlukan, Jawatankuasa Tetap boleh menubuhkan Jawatankuasa-jawatankuasa kecil bagi menjalankan tugas khas seperti yang ditetapkan oleh jawatankuasa Tetap dengan syarat Jawatankuasa kecil tersebut hendaklah terlebih dahulu diluluskan oleh Jawatankuasa Eksekutif.

Artikel 48 Jawatankuasa Kewangan dan Pengurusan

1. Jawatankuasa Kewangan dan Pengurusan hendaklah:
 - i. Bertanggungjawab dalam semua hal-hal pengurusan kewangan FAM dan pentadbiran Sekretariat Agung serta menasihati Jawatankuasa Eksekutif di dalam perkara yang melibatkan kewangan dan pengurusan aset FAM; dan
 - ii. Menganalisis bajet FAM (yang disediakan oleh Sekretariat Agung) dan penyata kewangan yang disediakan oleh Bendahari dan mengemukakan kepada Jawatankuasa Eksekutif untuk kelulusan.

Artikel 49 Jawatankuasa Pengurusan Pasukan Bola Sepak Kebangsaan

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Pasukan Bola Sepak Kebangsaan adalah Presiden FAM dan sebilangan ahli yang difikirkan perlu. Jawatankuasa Pengurusan Pasukan Bola Sepak Kebangsaan bertanggungjawab terhadap semua aktiviti pengurusan pasukan kebangsaan termasuklah pemilihan Pegawai pengurusan pasukan, Pemain atau lain-lain Pegawai yang difikirkan perlu, mengatur program dan bertanggungjawab di atas kewangan yang mana hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Kewangan dan Pengurusan sebelum perlaksanaan. Pengerusi Jawatankuasa ini atau Presiden FAM mempunyai kuasa pemutus yang mutlak mengenai semua aktiviti, pengurusan dan kewangan pasukan kebangsaan.

Artikel 50 Jawatankuasa Pertandingan

1. Jawatankuasa Pertandingan hendaklah:
 - i. bertanggungjawab merancang, menganjur, mengelola dan menangani semua hal berkaitan dengan pertandingan mengikut peruntukan Statut ini dan Peraturan;
 - ii. menganjurkan pertandingan antarabangsa dengan mematuhi peruntukan Statut ini dan Peraturan yang terpakai di bawah FIFA, AFC dan FAM; dan
 - iii. mengurus dan mengendali segala perancangan, pelaksanaan dan pembangunan serta pendidikan yang berkaitan dengan Pertandingan.

Artikel 51 Jawatankuasa Undang-Undang

Jawatankuasa Undang-Undang hendaklah menganalisa isu-isu asas undang-undang yang berkaitan dengan bola sepak dan evolusi Statut dan Peraturan FAM dan ahli-ahlinya



Artikel 52 Jawatankuasa Pengadil

1. Jawatankuasa Pengadil hendaklah:
 - ii. melaksanakan Undang-Undang Permainan;
 - iii. melantik pengadil, penolong pengadil, pegawai keempat, penilai pengadil dan pengajar pengadil untuk perlawanan dalam pertandingan yang dianjurkan oleh FAM dengan kerjasama pihak pentadbiran FAM dan mengawasi pengajaran dan latihan pengadil; dan
 - iv. meluluskan panel Pengadil dan Penolong Pengadil, Penilai Pengadil dan Pengajar Pengadil FAM pada setiap tahun.

Artikel 53 Jawatankuasa Bola Sepak Wanita

Jawatankuasa Bola Sepak Wanita hendaklah bertanggungjawab ke atas semua perkara berkaitan dengan Aktiviti Bola Sepak wanita.

Artikel 54 Jawatankuasa Futsal dan Bola Sepak Pantai

Jawatankuasa Futsal dan Bola Sepak Pantai hendaklah menguruskan semua aktiviti futsal dan bola sepak pantai dan menangani semua isu berkaitan dengan futsal dan bola sepak pantai mengikut Statut ini dan peraturan yang berkaitan.

Artikel 55 Jawatankuasa Perubatan dan Sains Sukan

Jawatankuasa Perubatan hendaklah menguruskan segala aspek perubatan bola sepak, sains sukan dan menguruskan semua perkara berkaitan dengan anti-doping.

Artikel 56 Jawatankuasa Status Pemain

1. Jawatankuasa Status hendaklah:
 - i. menubuhkan dan memantau pematuhan Peraturan Status dan Perpindahan Pemain FAM dan menentukan status Pemain untuk pelbagai pertandingan FAM. Bidang kuasa Jawatankuasa Status dikawal oleh Peraturan Status dan Perpindahan Pemain FAM dan FIFA. Peraturan FIFA mengenai Status dan Perpindahan Pemain boleh diguna pakai terhadap Pemain Asing.
 - ii. bertanggungjawab bagi memastikan pematuhan Majlis Resolusi Pertikaian Kebangsaan (NDRC) berdasarkan Peraturan Status dan Perpindahan Pemain FAM dan FIFA dan Peraturan.
2. Jawatankuasa Status Pemain dan Majlis Resolusi Pertikaian Kebangsaan boleh menjatuhkan sekatan yang dijelaskan dalam Statut ini dan Peraturan Status dan Perpindahan Pemain FAM pada Ahli, PBN, PBD, Kelab, Pegawai, Pemain, Ejen Bola Sepak dan ejen perlawanan.



Artikel 57 Jawatankuasa Media, Komunikasi dan Perhubungan Awam

Jawatankuasa Media, Komunikasi dan Perhubungan Awam hendaklah menguruskan hal berkaitan dengan pihak media dalam acara FAM dan mengekalkan hubungan baik dengan organisasi media tempatan dan antarabangsa.

Artikel 58 Jawatankuasa Keselamatan

1. Jawatankuasa Keselamatan hendaklah terdiri daripada Pengerusi iaitu Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam dan seberapa ramai ahli yang mungkin difikirkan perlu oleh Jawatankuasa Eksekutif.
2. Jawatankuasa Keselamatan bertanggungjawab untuk:
 - i. menyediakan garis panduan tentang keselamatan stadium bagi FAM dan Ahli;
 - ii. menyelaraskan Peraturan Keselamatan di kalangan FAM dan Ahli;
 - iii. membantu dalam pemeriksaan stadium dan padang permainan di mana permainan peringkat kebangsaan diadakan; dan
 - iv. menasihati, memantau dan mengambil tindakan terhadap FAM dan Ahli dari semasa ke semasa tentang langkah keselamatan semasa perlawanan.

Artikel 59 Jawatankuasa Integriti

Jawatankuasa Integriti hendaklah bertanggungjawab bagi pemeriksaan dan penyemakan semua pemain dan juga untuk memerhatikan Ahli, PBD, Kelab, Pemain dan Pegawai untuk segala unsur-unsur yang tidak sihat dalam Aktiviti Bolasepak seperti rasuah dan mengatur perlawanan.

Artikel 60 Jawatankuasa Tiket dan Stadium

1. Jawatankuasa Tiket dan Stadium hendaklah:
 - ii. Menguruskan segala aspek berkaitan dengan tiket; dan
 - iii. Mengendalikan isu-isu berkaitan pengurusan stadium.

Artikel 61 Jawatankuasa Teknikal & Pembangunan

Jawatankuasa Teknikal dan Pembangunan bertanggungjawab dalam penyeliaan dan pelaksanaan program-program pembangunan.

Artikel 62 Jawatankuasa Pemasaran dan Penajaan

1. Jawatankuasa Pemasaran dan Penajaan hendaklah:
 - i. mencorak hala tuju dan objektif pemasaran dan menetapkan strategi tanggungjawab sosial di FAM; dan



- ii. menguruskan hal berkaitan dengan pihak penaja dalam acara FAM dan mengekalkan hubungan baik dengan organisasi penaja.

Artikel 63 Jawatankuasa Ad-Hoc

Jawatankuasa Eksekutif boleh, jika perlu, mewujudkan Jawatankuasa Ad-Hoc bagi apa-apa tugas khas dalam tempoh yang tertentu. Jawatankuasa Eksekutif hendaklah melantik Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan sebilangan ahli yang sesuai. Tugas dan fungsinya ditetapkan dalam Peraturan Khas yang dirangka oleh Jawatankuasa Eksekutif. Jawatankuasa Ad-Hoc ini melapor terus kepada Jawatankuasa Eksekutif. Jawatankuasa Ad-Hoc akan dibubarkan setelah menyelesaikan tugas atau seperti yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Eksekutif.



F. BADAN PELESENAN KELAB

Artikel 64 Badan Pelesenan Kelab

1. Badan Pelesenan Kelab hendaklah bertanggungjawab ke atas sistem pelesenan kelab dalam FAM mengikut Peraturan Pelesenan Kelab AFC dan FIFA.
2. Badan Pelesenan Kelab terdiri daripada badan utama dan badan rayuan.
3. Keputusan yang diluluskan oleh badan rayuan pelesenan kelab hanya boleh dirayu di hadapan tribunal timbang tara yang bebas dan ditubuhkan dengan sewajarnya mengikut peruntukan dalam Statut ini.
4. Objektif sistem pelesenan Kelab adalah untuk menjaga kredibiliti dan integriti pertandingan Kelab, untuk meningkatkan tahap profesionalisme FAM, untuk menggalakkan nilai kesukanan selaras dengan prinsip permainan adil serta persekitaran perlawanan yang selamat dan terjamin dan untuk menggalakkan ketelusan dalam kewangan, pemilikan dan kawalan Kelab.
5. Jawatankuasa Eksekutif FAM hendaklah mengeluarkan peraturan pelesenan Kelab yang mengawal sistem pelesenan Kelab. Antara lainnya, peraturan pelesenan Kelab hendaklah menetapkan Kelab yang mana sistem itu terpakai. Sekurang-kurangnya, sistem pelesenan Kelab mesti dilaksanakan berkenaan dengan Kelab yang bermain dalam Liga Kebangsaan dan Kelab divisyen atas yang layak untuk pertandingan Kelab AFC berdasarkan merit sukan.



G. JAWATANKUASA BEBAS

1. Jawatankuasa Bebas ialah:
 - i. Jawatankuasa Audit dan Pematuhan;
 - ii. Jawatankuasa Pemilihan; dan
 - iii. Badan kehakiman

Jawatankuasa Bebas serta ahli individu mereka hendaklah menjalankan aktiviti mereka dan melaksanakan tugas mereka sepenuhnya secara bebas tetapi sentiasa demi kepentingan FAM dan mengikut Statut dan peraturannya.

Artikel 65 Jawatankuasa Audit dan Pematuhan

1. Jawatankuasa Audit dan Pematuhan hendaklah terdiri daripada seorang pengerusi, seorang timbalan pengerusi dan tiga (3) ahli. Ahli-ahlinya hendaklah berpengetahuan dan berpengalaman dalam hal kewangan dan/atau peraturan dan undang-undang dan tidak boleh terlibat dalam sebarang keputusan yang menjejaskan operasi FAM.
2. Jawatankuasa Audit dan Pematuhan hendaklah menasihati, membantu dan menyelia Jawatankuasa Eksekutif dalam memantau hal kewangan dan pematuhan FAM, menubuhkan mekanisme pematuhan dan memantau pematuhan kepada peraturan FAM yang berkaitan. Ia juga hendaklah menyelia Sekretariat Agung dalam isu kewangan dan pematuhan. Jawatankuasa Audit dan Pematuhan hendaklah memastikan kesempurnaan dan kebolehpercayaan perakaunan kewangan dan menyemak penyata kewangan disatukan dan laporan juruaudit bebas dan luar. Jawatankuasa Audit dan Pematuhan selanjutnya hendaklah memantau hal kewangan dan pematuhan FAM dan mencadangkan kepada badan yang berkenaan sebarang tindakan yang difikirkan perlu hasil daripada pemantauan tersebut. Jawatankuasa Audit dan Pematuhan hendaklah, dengan bantuan Sekretariat Agung, melaksanakan program pematuhan dalam FAM.
3. Butiran mengenai tanggungjawab Jawatankuasa Audit dan Pematuhan, kerjasama dalamannya dan hal-hal prosedur lain ditetapkan dalam Peraturan Organisasi FAM.
4. Pengerusi, timbalan pengerusi dan ahli Jawatankuasa Audit dan Pematuhan hendaklah dipilih oleh Kongres untuk tempoh 4 (empat) tahun dan hanya boleh dipecat daripada tugas mereka oleh Kongres. Mereka tidak boleh menjadi ahli mana-mana badan FAM dan mereka hendaklah menjalani pemeriksaan integriti, yang akan dijalankan oleh Jawatankuasa Tatatertib dan Etika, sebelum pemilihan atau pemilihan semula mereka dan hendaklah memenuhi peruntukan yang terkandung dalam perenggan 5 di bawah.
5. Pengerusi dan timbalan pengerusi Jawatankuasa Audit dan Pematuhan serta mana-mana ahli keluarga terdekat mereka tidak boleh menjalankan atau telah menjalankan dalam tempoh 4 (empat) tahun sebelum permulaan penggal mereka sebarang fungsi eksekutif di FAM, salah seorang Ahli FAM, liga atau kelab (termasuk mana-mana syarikat/organisasi gabungan mereka), dan tidak pernah atau pernah mempunyai dalam 4 (empat) tahun sebelum permulaan penggal mereka apa-apa hubungan perniagaan material dengan FAM, salah seorang Ahli FAM, liga atau kelab (termasuk mana-mana syarikat/organisasi gabungan mereka). "Ahli keluarga terdekat" hendaklah bermaksud,

berkenaan dengan seseorang, pasangan atau pasangan domestik orang tersebut, ibu bapa, datuk nenek, bapa saudara, ibu saudara, anak (termasuk mana-mana anak tiri atau anak angkat), cucu, menantu lelaki, menantu perempuan, bapa mertua atau ibu mertua, dan termasuk sesiapa sahaja, sama ada melalui darah atau sebaliknya, dengan siapa individu itu mempunyai hubungan yang serupa dengan hubungan keluarga yang mana orang tersebut memberikan sokongan kewangan.

6. Jika pengerusi, timbalan pengerusi atau ahli Jawatankuasa Audit dan Pematuhan secara kekal berhenti melaksanakan fungsi rasminya semasa tempoh jawatannya, Jawatankuasa Eksekutif hendaklah melantik pengganti untuk berkhidmat sehingga Kongres berikutnya.

Artikel 66 Jawatankuasa Pemilihan

1. Jawatankuasa Pemilihan ialah badan yang bertanggungjawab mengurus dan menyelia proses pemilihan mengikut Kod Pemilihan FAM. Jawatankuasa Pemilihan terdiri daripada Jawatankuasa Pemilihan (badan utama) dan Jawatankuasa Rayuan Pemilihan (badan kedua).
2. Jawatankuasa Pemilihan hendaklah terdiri daripada seorang pengerusi, timbalan pengerusi dan bilangan ahli yang difikirkan perlu. Pengerusi dan timbalan pengerusi hendaklah mempunyai kelayakan undang-undang.
3. Pengerusi, timbalan pengerusi dan ahli Jawatankuasa Pemilihan yang lain hendaklah dipilih oleh Kongres atas cadangan Jawatankuasa Eksekutif, tidak boleh menjadi ahli mana-mana badan FAM yang lain dan hendaklah memenuhi kriteria kebebasan seperti yang ditakrifkan dalam artikel 65 perenggan 5 di atas.
4. Komposisi dan fungsi Jawatankuasa Pemilihan hendaklah dikawal oleh Kod Pemilihan FAM.

Artikel 67 Badan Kehakiman

1. Badan Kehakiman FAM terdiri daripada:
 - i. Jawatankuasa Tatatertib dan Etika; dan
 - ii. Jawatankuasa Rayuan.
2. Tanggungjawab dan fungsi badan ini hendaklah ditetapkan dalam Kod Tatatertib dan Etika FAM, yang hendaklah mematuhi Kod Tatatertib dan Etika AFC dan FIFA.
3. Badan Kehakiman hendaklah dibentuk sedemikian rupa supaya ahli-ahli, bersama-sama, mempunyai pengetahuan, kebolehan dan pengalaman pakar yang diperlukan untuk menyempurnakan tugas dan kewajipan mereka. Pengerusi dan Timbalan Pengerusi badan kehakiman hendaklah mempunyai kelayakan untuk mengamalkan undang-undang dan hendaklah mematuhi kehendak kebebasan yang diperuntukkan di bawah Artikel 65 perenggan 5 Statut.
4. Semua ahli badan kehakiman (termasuk pengerusi dan timbalan pengerusi) hendaklah menjalani pemeriksaan integriti sebelum pemilihan atau pemilihan semula mereka dan tidak boleh berkhidmat lebih daripada tiga (3) penggal empat tahun (berturut-turut atau tidak).
5. Kuasa membuat keputusan badan lain FAM kekal tidak berubah.
6. Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan ahli badan kehakiman yang lain hendaklah dipilih oleh Kongres



atas cadangan Jawatankuasa Eksekutif dan tidak boleh menjadi ahli mana-mana badan FAM yang lain.

7. Jika Pengerusi, Timbalan Pengerusi atau ahli badan kehakiman berhenti menjalankan fungsi rasminya secara kekal semasa tempoh jawatannya, Jawatankuasa Eksekutif hendaklah melantik pengganti untuk berkhidmat sehingga Kongres berikutnya, di mana Kongres hendaklah melantik seorang anggota yang baharu badan kehakiman masing-masing untuk baki tempoh.

Artikel 68 Jawatankuasa Tatatertib dan Etika

1. Jawatankuasa Tatatertib dan Etika hendaklah terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan beberapa orang ahli yang difikirkan perlu. Pengerusi dan Timbalan Pengerusi hendaklah mempunyai kelayakan undang-undang.
2. Fungsi badan ini hendaklah dikawal oleh Kod Tatatertib dan Etika FAM. Jawatankuasa ini hendaklah meluluskan keputusan hanya apabila sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahlinya hadir. Dalam kes tertentu, Pengerusi boleh membuat keputusannya sendiri menurut Kod Tatatertib dan Etika FAM.
3. Jawatankuasa ini boleh mengumumkan sekatan yang dinyatakan dalam Statut ini dan Kod Tatatertib dan Etika FAM terhadap Ahli, pegawai, pemain, kelab dan juga ejen perlawanan dan Ejen Bola Sepak.
4. Jawatankuasa Tatatertib dan Etika akan melaksanakan dan menguatkuasakan apa-apa kod tatatertib dan etika yang dipinda oleh AFC atau FIFA.
5. Peruntukan ini tertakluk kepada kuasa Kongres dan Jawatankuasa Eksekutif berhubung dengan penggantungan dan pemecatan Ahli.

Artikel 69 Jawatankuasa Rayuan

1. Jawatankuasa Rayuan hendaklah terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan beberapa orang ahli yang difikirkan perlu. Pengerusi dan Timbalan Pengerusi hendaklah mempunyai kelayakan undang-undang.
2. Fungsi badan ini dikawal oleh Kod Tatatertib dan Etika FAM. Jawatankuasa ini hendaklah meluluskan keputusan hanya apabila sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahlinya hadir. Dalam kes tertentu, Pengerusi boleh membuat keputusannya sendiri menurut Kod Tatatertib dan Etika FAM.
3. Jawatankuasa Rayuan bertanggungjawab untuk mendengar rayuan terhadap keputusan daripada Jawatankuasa Tatatertib dan Etika yang tidak diisytiharkan sebagai muktamad.

Artikel 70 Langkah Tatatertib

Langkah Tatatertib ini adalah semata-mata:

1. untuk individu sebenar dan individu di sisi undang-undang:
 - i. amaran;
 - ii. teguran;



- iii. denda;
- iv. pemulangan anugerah.
2. untuk individu sebenar:
 - i. amaran;
 - ii. pemecatan;
 - iii. penggantungan permainan;
 - iv. dilarang memasuki bilik persalinan dan/atau bangku Pemain simpanan;
 - v. dilarang memasuki stadium;
 - vi. dilarang mengambil bahagian dalam mana-mana aktiviti yang berkaitan dengan Bola Sepak;
 - vii. kerja sosial; dan
 - viii. latihan pematuhan;
3. individu di sisi undang-undang:
 - i. larangan terhadap pemindahan;
 - ii. perlawanan bola tanpa Penonton;
 - iii. perlawanan bola di wilayah berkecuali;
 - iv. dilarang bermain di stadium tertentu;
 - v. pembatalan keputusan permainan;
 - vi. pemecatan;
 - vii. pelucutan hak;
 - viii. pembedahan mata;
 - ix. penurunan ke divisyen yang lebih rendah.
 - x. pengulangan perlawanan.

Artikel 71 Timbang Tara

1. Tribunal Timbang Tara berfungsi apabila:
 - i. Rayuan terhadap keputusan tertentu yang dibuat oleh Jawatankuasa Rayuan FAM boleh dirayu di Tribunal Timbang Tara yang bebas oleh seorang penimbangtara yang dipersetujui bersama oleh pihak- pihak. Proses ini perlu diadakan di Malaysia dan keputusan Penimbang Tara adalah muktamad dan mesti diterima oleh semua pihak yang terlibat.
 - ii. Timbang tara hanya boleh dibuat selepas semua saluran dalaman yang lain telah digunakan sepenuhnya.
2. Kos prosiding bagi timbang tara akan ditanggung oleh pihak-pihak mengikut Akta Timbang Tara yang berkuatkuasa di Malaysia.



Artikel 72 Bidang Kuasa

1. FAM, Ahli atau Pasukan, Pegawai atau Pemain serta ejen perlawanan dan ejen Bola Sepak atau mana-mana individu sebenar dan individu di sisi undang-undang seperti yang ditakrifkan di dalam Statut FAM tidak boleh membawa apa-apa jua pertikaian ke mana-mana Mahkamah Biasa melainkan Peraturan AFC atau FIFA atau undang-undang mandatori Malaysia secara khusus memperuntukkan atau menetapkan rekursa ke mahkamah biasa.
2. FAM hendaklah mempunyai bidang kuasa terhadap pertikaian dalaman kebangsaan, iaitu pertikaian antara pihak yang menganggotai FAM. FIFA hendaklah mempunyai bidang kuasa terhadap pertikaian antarabangsa, iaitu pertikaian antara pihak yang menganggotai persatuan dan/atau gabungan yang berbeza.
3. Tertakluk kepada Artikel 72 (1), jika sekiranya Ahli atau Pasukan, Pegawai atau Pemain membawa apa-apa jua kes atau pertikaian ke mana-mana mahkamah, maka Ahli atau Pasukan akan dilucutkan keahlian, dan penyertaannya dalam Aktiviti Bola Sepak akan dibatalkan pendaftarannya secara automatik; manakala Pegawai dan Pemain akan digantung secara kekal dan tidak boleh menyertai sebarang Aktiviti Bolasepak di peringkat antarabangsa, kebangsaan, negeri, daerah. Ahli atau Pasukan, Pegawai atau Pemain hilang hak untuk merayu melainkan diputuskan sebaliknya oleh Kongres.

Artikel 73 Mahkamah Timbang Tara Sukan

1. Menurut peruntukan yang berkaitan di dalam Statut FIFA, apa-apa rayuan terhadap keputusan FIFA yang muktamad dan terikat hendaklah didengar oleh Mahkamah Timbang Tara Sukan (CAS) di Lausanne, Switzerland untuk menyelesaikan pertikaian antara FIFA, Ahli atau Pasukan, Pemain, Pegawai dan Ejen Bola Sepak serta ejen perlawanan. Walau bagaimanapun, CAS tidak boleh mendengar rayuan tentang pelanggaran Undang-Undang Permainan, penggantungan sehingga empat (4) permainan atau sehingga tiga (3) bulan, atau keputusan yang diluluskan oleh Tribunal Timbang Tara yang bebas dan ditubuhkan dengan sewajarnya oleh Konfederasi.
2. FAM hendaklah memastikan pematuhan sepenuhnya, begitu juga Ahli, Pemain, Pegawai dan Ejen Bola Sepak serta ejen perlawanan juga akan mematuhi apa-apa keputusan muktamad yang diluluskan oleh FIFA atau CAS.
3. Ahli hendaklah bersetuju untuk mengiktiraf CAS sebagai pihak berkuasa kehakiman yang bebas dan memastikan Ahli atau Pasukan, Pemain dan Pegawainya mematuhi keputusan yang diluluskan oleh CAS. Obligasi yang sama terpakai kepada Ejen Bola Sepak dan ejen perlawanan.



BAHAGIAN V KEWANGAN

Artikel 74 Tempoh Kewangan

1. Tempoh kewangan FAM hendaklah bermula pada setiap 1 Januari tahun berkenaan dan berakhir pada 31 Disember pada tahun yang sama.
2. Pendapatan dan perbelanjaan FAM hendaklah diuruskan supaya seimbang sepanjang tempoh kewangan tersebut. Tugas utama FAM pada masa depan hendaklah terjamin dengan adanya simpanan.
3. Bendahari bertanggungjawab menyusun akaun tahunan disatukan FAM dengan subsidiarinya setakat pada 31 Disember.

Artikel 75 Pendapatan

1. Pendapatan FAM diperoleh secara khususnya daripada:
 - i. yuran tahunan Ahli;
 - ii. penerimaan yang diperoleh daripada hak pemasaran yang menjadi hak FAM;
 - iii. denda yang dikenakan oleh badan yang dibenarkan;
 - iv. yuran dan penerimaan lain yang diterima selaras dengan objektif yang ingin dicapai oleh FAM;
 - v. wang yang dikumpul atau dipinjam mengikut cara yang difikirkan sesuai oleh Kongres dan untuk mencagarkan, menggadaikan atau memberikan lien atau cagaran lain ke atas seluruh atau sebahagian aku janji, harta dan aset FAM bagi maksud dan dalam keadaan tertentu berdasarkan terma dan syarat seperti yang difikirkan sesuai oleh Kongres;
 - vi. semua wang yang dikumpul dan keuntungan yang terakru kepada FAM daripada penyertaannya dalam mana-mana perniagaan dan menggunakannya semata-mata untuk tujuan mendorong, menggalakkan dan melaksanakan objektif FAM dan tiada mana-mana bahagiannya yang boleh dibayar melalui dividen, bonus atau keuntungan kepada mana-mana Ahli, pegawai, pekerja atau mana-mana pihak ketiga. Dengan syarat tiada apa-apa pun yang dinyatakan atau yang terkandung dalamnya boleh menghalang pembayaran secara ikhlas atau membayar ganjaran atau perbelanjaan atau kedua-duanya kepada mana-mana Ahli, pegawai, pekerja atau pihak ketiga bagi perkhidmatan yang benar-benar dilakukan oleh mereka untuk FAM.
 - vii. Apa-apa hasil lain yang berkaitan dengan aktiviti bola sepak; dan
 - viii. Pembiayaan daripada FIFA dan daripada AFC.



Artikel 76 Perbelanjaan

1. FAM menanggung:
 - i. perbelanjaan yang dinyatakan dalam belanjawan;
 - ii. perbelanjaan lain yang diluluskan oleh Kongres dan perbelanjaan yang berhak ditanggung oleh Jawatankuasa Eksekutif dalam skop kuasanya;
 - iii. pembayaran sumbangan dana FAM kepada mana-mana badan kebajikan atau tabung, kelab atau institusi lain mengikut cara seumpamanya yang dianggap baik oleh Kongres; dan
 - iv. segala perbelanjaan lain selaras dengan objektif yang ingin dicapai oleh FAM.

Artikel 77 Juruaudit Bebas dan Luar

Juruaudit bebas dan luar yang dilantik oleh Kongres hendaklah mengaudit setiap tahun akaun yang diluluskan oleh Jawatankuasa Kewangan dan Pengurusan menurut prinsip perakaunan yang sewajarnya dan membentangkan laporan kepada Kongres. Juruaudit bebas dan luar hendaklah dilantik oleh Kongres bagi tempoh selama empat (4) tahun. Mandat ini boleh diperbaharui.

Artikel 78 Yuran Keahlian

1. Yuran Keahlian perlu dibayar pada 1 Januari setiap tahun. Yuran tahunan bagi Ahli baru untuk tahun berkenaan hendaklah dibayar dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh penutupan Kongres semasa ahli itu diterima masuk.
2. Yuran kemasukan setiap Ahli baharu ialah Ringgit Malaysia: Lima Puluh Ribu Ringgit (RM 50,000.00) sahaja.
3. Yuran tahunan bagi setiap Ahli ialah Ringgit Malaysia: Lima Ribu Ringgit Sahaja (RM 5, 000.00) setahun yang perlu dibayar pada 1 Januari atau semasa diterima menjadi Ahli.

Artikel 79 Penyelesaian

FAM hendaklah mendebitkan mana-mana akaun Ahli untuk menyelesaikan tuntutan.

Artikel 80 Levi

1. Ahli atau ahli gabungannya termasuk Kelab atau Pasukan hendaklah membayar levi kepada FAM bagi setiap perlawatan bola sepak yang dibenarkan dan diluluskan oleh FAM.
2. Levi perlu dikira berdasarkan pendapatan kasar kutipan tiket, pas bermusim dan lain- lain bentuk pas tahunan yang dikeluarkan oleh pasukan tuan rumah dan perlu dibayar kepada FAM dalam tempoh yang ditetapkan.
3. Ahli atau ahli-ahli gabungannya termasuk Kelab atau Pasukan yang gagal mengemukakan bayaran levi yang ditetapkan di atas atau apa-apa tanggungjawab kewangan yang lain kepada FAM dalam tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan Ahli yang bertanggungjawab kehilangan hak untuk menghadiri Kongres dan untuk membuang undi mereka.



Artikel 81 Harta

1. Harta alih FAM hendaklah terletak hak atas nama FAM dan hendaklah dilaksanakan melalui keputusan yang diluluskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif.
2. Harta tak alih FAM hendaklah didaftarkan atas nama FAM. Semua surat cara yang berkaitan dengan harta tersebut hendaklah dilaksanakan oleh Presiden, Setiausaha Agung dan Bendahari FAM pada masa itu.
3. Apa-apa harta tak alih FAM tidak boleh dijual, dipajak, digadai janji atau dipindah milik tanpa izin dan kuasa Kongres. Harta tak alih FAM hanya boleh diuruskan menurut resolusi yang diluluskan oleh Kongres sahaja.
4. Walau bagaimanapun tiada pelupusan, jualan, pindah milik dan/atau pajakan dalam apa jua bentuknya yang boleh diluluskan dalam mesyuarat Kongres yang dalam Kongres ini resolusi mestilah menerima dengan undi mutlak (50% +1) daripada Ahli yang hadir dan layak mengundi bersetuju. Walau apa pun yang berlawanan yang terkandung dalam peruntukan ini, proviso ini tidak terpakai kepada harta tak alih yang dikelaskan dan dikategorikan serta yang disifatkan oleh Jawatankuasa Kewangan dan Pengurusan sebagai aset perniagaan FAM.



BAHAGIAN VI PERTANDINGAN DAN HAK DALAM PERTANDINGAN DAN ACARA

Artikel 82 Pertandingan

1. FAM hendaklah menganjurkan dan menyelaras pertandingan rasmi berikut yang diadakan dalam wilayahnya:
 - i. Piala Sumbangsih;
 - ii. Liga Super;
 - iii. Liga Premier;
 - iv. Piala FA;
 - v. Piala Malaysia;
 - vi. Piala Presiden;
 - vii. Piala Belia;
 - viii. Liga Futsal Premier Malaysia;
 - ix. Piala Tun Sharifah Rodziah;
 - x. Liga SupaRimau;
 - xi. Mana-mana pertandingan lain yang diluluskan dan/atau diiktiraf oleh FAM atau yang dianggap sesuai selaras dengan Peraturan FIFA dan AFC.
2. Jawatankuasa Eksekutif boleh mewakili kepada liga bawahan FAM kuasa untuk menganjurkan pertandingan (cth. melalui perjanjian yang betul dan komprehensif untuk bola sepak elit). Pertandingan yang dianjurkan oleh liga tidak boleh mengganggu pertandingan yang dianjurkan oleh FAM. Pertandingan yang dianjurkan oleh FAM hendaklah diutamakan.
3. Jawatankuasa Eksekutif boleh mengeluarkan peraturan khas mengenai perkara ini.

Artikel 83 Pelesenan Kelab

Jawatankuasa Eksekutif hendaklah mengeluarkan peraturan mengenai sistem pelesenan kelab yang mengawal penyertaan kelab dalam pertandingan FAM dan AFC, dengan mematuhi keperluan minimum sistem pelesenan kelab seperti yang ditetapkan oleh AFC dan FIFA.

Artikel 84 Hak

1. FAM dan Ahlinya adalah pemilik asal semua hak-hak yang berkaitan dengan pertandingan dan acara lain yang berada di bawah bidang kuasa masing-masing, tanpa sebarang sekatan tentang kandungan, masa dan tempat. Hak-hak ini termasuk, antara lain, segala jenis hak kewangan, audiovisual dan rakaman radio, hak pengeluaran semula dan hak penyiaran, hak multimedia,



pemasaran dan promosi dan hak zahir seperti lambang dan hak-hak yang timbul di bawah undang-undang hak cipta.

2. Jawatankuasa Eksekutif hendaklah memutuskan bagaimana dan sejauh mana hak-hak ini digunakan dan hendaklah menggubal peraturan khas untuk tujuan ini. FAM hendaklah memastikan penjualan hak tersebut dijalankan secara telus dan mematuhi Statut dan peraturan FAM serta undang-undang mandatori negara.

Artikel 85 Kebenaran Untuk Mengedar

1. FAM dan Ahlinya bertanggungjawab secara eksklusif untuk membenarkan pengedaran imej dan bunyi serta pembawa data lain perlawanan dan acara bola sepak yang terletak di bawah bidang kuasa masing-masing, tanpa sebarang sekatan.
2. Jawatankuasa Eksekutif hendaklah mengeluarkan peraturan khas untuk tujuan ini.



BAHAGIAN VII PERLAWANAN DAN PERTANDINGAN ANTARABANGSA

Artikel 86 Perlawanan dan Pertandingan Antarabangsa

1. Hak untuk menganjurkan perlawanan dan pertandingan tempatan dan antarabangsa antara pasukan wakil dan antara liga, pasukan kelab dan/atau pasukan serampangan terletak semata-mata kepada FIFA, konfederasi dan/atau persatuan yang berkenaan. Tiada perlawanan atau pertandingan sedemikian boleh berlaku tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada FIFA, konfederasi dan/atau persatuan yang berkenaan mengikut Peraturan Mengawal Perlawanan Antarabangsa FIFA.
2. FAM adalah terikat untuk mematuhi kalendar perlawanan antarabangsa yang disusun oleh FIFA.

Artikel 87 Hubungan

FAM, Ahlinya, pemain, pegawai, ejen perlawanan berlesen dan Ejen Bola Sepak tidak boleh bermain perlawanan atau membuat hubungan sukan dengan persatuan yang bukan ahli FIFA atau ahli sementara konfederasi tanpa kelulusan FIFA.

Artikel 88 Kelulusan

1. Kelab, liga atau mana-mana kumpulan kelab lain yang bernaung di bawah FAM hanya boleh menyertai persatuan lain dengan kebenaran FAM, persatuan lain, konfederasi masing-masing dan FIFA.
2. Kelab, liga atau mana-mana kumpulan kelab lain yang bernaung di bawah FAM tidak boleh menyertai pertandingan di wilayah persatuan lain tanpa kebenaran FAM, persatuan lain, FIFA dan AFC mengikut Peraturan Mengawal Perlawanan Antarabangsa FIFA.



PART VIII PERUNTUKAN AKHIR

Artikel 89 Fasal Tafsiran

Jika timbul apa-apa kesamaran atau pertikaian berhubung dengan tafsiran Statut, kod, peraturan-peraturan, kaedah dan undang-undang kecil FAM, maka keputusan Kongres tentang perkara itu adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan dalam mana-mana mahkamah biasa atas cadangan badan yang menerima pakai dokumen undang-undang berkenaan.

Artikel 90 Keadaan Luar Jangka Yang Tidak Diduga dan Force Majeure

Jawatankuasa Eksekutif hendaklah mempunyai kuasa untuk memutuskan semua kes force majeure dan semua perkara yang tidak diperuntukkan dalam Statut ini; keputusan sedemikian hendaklah mengambil kira peraturan FIFA dan AFC yang berkaitan, serta mana-mana undang-undang mandatori yang terpakai.

Artikel 91 Sumbangan kepada Media

Presiden atau Setiausaha Agung atau mana-mana Pegawai yang dibenarkan oleh Jawatankuasa Eksekutif boleh membuat kenyataan atau sumbangan kepada Media dengan syarat tidak:-

1. menyentuh atau menyampaikan kilanan, rungutan, menyampaikan perasaan tidak puashati atau mengecam mengenai urusan pentadbiran hal-ehwal FAM atau pengelolaan Liga Malaysia atau lain-lain pertandingan yang diestuai atau diluluskan oleh FAM;
2. memperlekehkan, mengancam, memperkecilkan, merungut, mempersoalkan, atau mempertikaikan prestasi mana-mana Pegawai;
3. bercanggah, mempertikaikan, mempersoal, atau fakta yang diberikan adalah tidak tepat atau bercanggah atau salah dengan mana-mana keputusan-keputusan Badan FAM mengikut Artikel 24, Statut FAM iaitu keputusan Kongres, Jawatankuasa Eksekutif, Presiden, Jawatankuasa Tetap, Sekretariat Agung dan Badan Kehakiman FAM;
4. mengugut FAM atau Pertandingan;
5. mempunyai niat bertujuan menghina, mengaibkan, menjatuhkan atau mencemar imej Pegawai FAM atau Pegawai Ahli; atau
6. bercanggah dengan mana-mana Peraturan FAM atau perkara yang ditentukan oleh Jawatankuasa Eksekutif dari semasa ke semasa.

Artikel 92 Penerbitan Dokumen

1. FAM hendaklah menyediakan di laman web rasminya dokumen dan maklumat berikut:
 - i. Statut dan Perintah Tetap Kongres;
 - ii. Kod Pemilihan;



- iii. Kod Tatatertib dan Etika;
- iv. Peraturan Dalamam;
- v. keputusan paling penting/utama;
- vi. strateginya;
- vii. agenda untuk mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif dan Kongres; dan
- viii. surat pekeliling.

Artikel 93 Pembubaran

1. Apa-apa keputusan berhubung dengan pembubaran FAM memerlukan majoriti dua per tiga (2/3) daripada seluruh Ahli FAM, yang mesti diperolehi dalam Kongres yang diadakan khusus bagi tujuan tersebut.
2. Jika FAM dibubarkan, asetnya hendaklah dipindahkan kepada Pemegang Amanah Raya. Pemegang Amanah Raya hendaklah memegang aset ini sebagai amanah, "bonus pater familiae" sehingga FAM diwujudkan semula. Walau bagaimanapun, Kongres terakhir boleh memilih penerima lain aset tersebut berdasarkan majoriti dua per tiga (2/3).

Artikel 94 Kehadiran dalam Mesyuarat

Ahli Jawatankuasa yang gagal untuk menghadiri tiga (3) mesyuarat mengikut mana- mana yang berkenaan, sebanyak tiga (3) kali berturut-turut, akan dilucut keahliannya dalam jawatankuasa itu secara automatik melainkan jika jawatankuasa berpuas hati dengan sebab ketidakhadirannya dan ketidakhadirannya itu berasas atau boleh diterima oleh Jawatankuasa Eksekutif.

Artikel 95 Perkara yang Tidak Dinyatakan

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam Statut hendaklah diselesaikan oleh Jawatankuasa Eksekutif kecuali diputuskan sebaliknya oleh Kongres.

Artikel 96 Penguatkuasaan

Statut ini telah diluluskan di dalam Kongres di Petaling Jaya pada 01 Julai 2023 dan akan mula berkuatkuasa dan akan berkuatkuasa serta merta. Statut FAM sebelumnya adalah dengan ini dimansuhkan.

Artikel 97 Peruntukan Peralihan

Pemilihan untuk semua jawatan yang disenaraikan dalam Artikel 38.1 Statut ini hendaklah diadakan semasa Kongres FAM pada 2025 untuk penggal 2025-2029 melainkan penggal semasa berakhir sebelum 2025. Bagi mengelakkan keraguan, maksimum tiga penggal bagi Jawatankuasa Eksekutif akan bermula dari 2025.

Disahkan oleh Kongres dalam Kongres FAM kali ke 59, 2023


NOOR AZMAN HAJI RAHMAN
Setiausaha Agung


DATUK HAJI HAMIDIN BIN HAJI MOHD AMIN
Presiden



LAMPIRAN A – SOAL SELIDIK UNTUK SEMAKAN INTEGRITI

Bahagian 1: Peruntukan am

1. Pemeriksaan integriti berkenaan dengan calon untuk, dan pemegang, jawatan rasmi dalam FAM yang tertakluk kepada semakan tersebut ("calon atau pemegang") hendaklah dijalankan oleh badan yang berkaitan mengikut peruntukan Statut ini dan lampiran ini.
2. Calon atau pemegang adalah diwajibkan mematuhi proses tapisan dan penzahiran sendiri seperti yang digariskan dalam bahagian 2 dan 3 di bawah. Sebelum proses tapisan, setiap calon atau pemegang hendaklah memberikan kebenaran bertulisnya kepada proses tersebut melalui borang yang disediakan oleh badan berkaitan yang menjalankan pemeriksaan integriti. Jika kebenaran bertulis tersebut tidak diberikan, calon atau pemegang akan dianggap tidak lulus semakan integriti.
3. Calon atau pemegang hendaklah bertindak dengan suci hati pada setiap masa dan hendaklah bekerjasama sepenuhnya untuk membuktikan fakta yang berkaitan dengan notis yang munasabah. Sekiranya calon atau pemegang berkenaan tidak bekerjasama dengan badan yang berwajib untuk menjalankan semakan integriti, calon atau pemegang tersebut hendaklah dianggap tidak lulus semakan integriti.
4. Calon atau pemegang hendaklah dianggap tidak lulus semakan integriti, jika beliau:
 - i. telah tertakluk kepada sabitan jenayah atau sekatan tatatertib oleh mahkamah negara, khususnya jika kesalahan berkenaan adalah isu substantif dan bukan pelanggaran kecil atau salah laku prosedur; dan
 - ii. telah didapati bersalah dan/atau dijatuhi hukuman oleh Jawatankuasa Etika FIFA atau mana-mana badan sukan lain dengan sekatan yang akan mempersoalkan pelepasan jawatan berkenaan.
5. Tertakluk kepada peruntukan yang berkaitan mengenai penzahiran dan pemajuan maklumat dan data berkaitan yang diperolehi dalam konteks semakan integriti mengikut lampiran ini, semua maklumat dan data berkaitan tersebut mesti dianggap sebagai sulit oleh badan yang menjalankan pemeriksaan integriti berkenaan.

Bahagian 2: Proses Saringan

1. Pada permulaan proses saringan, setiap calon atau pemegang hendaklah menjalani semakan pengenalan ("semakan ID"). Dalam konteks ini, calon atau pemegang hendaklah menyerahkan salinan pasportnya yang sah kepada badan yang bertanggungjawab melaksanakan pemeriksaan integriti. Semakan ID hendaklah termasuk pengesahan/pengenalpastian elemen berikut:
 - i. nama dan nama keluarga;
 - ii. alamat kediaman;
 - iii. tarikh dan tempat lahir;
 - iv. kewarganegaraan.



2. Setiap calon atau pemegang hendaklah melengkapkan soal selidik yang terkandung dalam bahagian 3 di bawah.
3. Badan yang bertanggungjawab melaksanakan pemeriksaan integriti boleh menjalankan penyelidikan dan/atau penyiasatan bebas untuk mendapatkan maklumat lanjut berkaitan calon atau pemegang tertentu, yang mungkin termasuk maklumat mengenai Ejen Bola Sepak dan pihak berkaitan, mandat, potensi konflik kepentingan dan penyertaan penting serta prosiding/ penyiasatan sivil dan jenayah.

Nama pertama:	
Nama keluarga:	
Alamat kediaman:	
Tarikh dan tempat lahir:	
Kewarganegaraan:	
Profesion:	

Bahagian 3: Soal selidik

1. Pernahkah anda sebelum ini disabitkan dengan keputusan muktamad atas sebarang kesalahan yang boleh didakwa yang disengajakan atau mana-mana kesalahan yang sepadan dengan pelanggaran peraturan tingkah laku yang dinyatakan dalam bahagian II seksyen 5 Kod Etika FIFA?

Tidak Ya

Jika ya, sila nyatakan:

2. Adakah badan induk sukan pernah mengenakan apa-apa sekatan atau tindakan tatatertib atau seumpamanya ke atas anda pada masa lalu untuk tindakan yang dianggap melanggar peraturan kelakuan yang dinyatakan dalam bahagian II seksyen 5 Kod Etika FIFA?

Tidak Ya

Jika ya, sila nyatakan:

3. Adakah anda tertakluk kepada sebarang prosiding atau siasatan sivil, jenayah atau tatatertib yang belum selesai?

Tidak Ya

Jika ya, sila nyatakan:



4. Saya sedar sepenuhnya bahawa saya tertakluk kepada peruntukan Tatatertib dan Kod Etika FAM dan kepada peruntukan Statut dan peraturan lain FAM yang mungkin menangani isu integriti, dan saya mematuhi sepenuhnya peruntukan tersebut.
5. Saya kini memegang jawatan berikut dalam bola sepak:
6. Fakta dan keadaan berikut mungkin menimbulkan potensi konflik kepentingan mengenai saya (rujuk khususnya artikel 23 perenggan 9 Statut ini):
7. Catatan dan pemerhatian yang mungkin berpotensi relevan dalam konteks pemeriksaan integriti.
8. Saya sedar sepenuhnya dan bersetuju bahawa soal selidik ini disediakan kepada ahli badan FAM yang berkenaan.
9. Saya sedar sepenuhnya dan mengesahkan bahawa saya mesti memberitahu badan yang menjalankan pemeriksaan integriti tentang sebarang fakta dan keadaan berkaitan yang timbul selepas pemeriksaan integriti selesai.
10. Saya sedar sepenuhnya dan mengesahkan bahawa saya bertanggungjawab untuk bekerjasama sepenuhnya untuk membuktikan fakta yang berkaitan dengan pemeriksaan integriti yang saya tertakluk. Khususnya, saya akan mematuhi permintaan untuk apa-apa dokumen, maklumat atau apa-apa bahan lain dalam apa jua bentuk yang dipegang oleh saya. Di samping itu, saya akan mematuhi perolehan dan penyediaan dokumen, maklumat atau apa-apa bahan lain dalam apa jua bentuk yang tidak dipegang oleh saya tetapi yang saya berhak perolehi.
11. Saya sedar sepenuhnya dan mengesahkan bahawa badan yang menjalankan pemeriksaan integriti juga boleh meminta maklumat tentang kemungkinan sekatan (soalan 1 dan 2 di atas) terus daripada FIFA atau konfederasi yang berkaitan serta daripada institusi lain seperti Mahkamah Timbang Tara Sukan di Lausanne, Switzerland, atau Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa. Sehubungan dengan itu, saya dengan ini membebaskan institusi berkaitan daripada sebarang obligasi kerahsiaan yang berkaitan dengan maklumat berkenaan.
12. Saya sedar sepenuhnya dan mengesahkan bahawa badan yang menjalankan pemeriksaan integriti boleh mengumpul maklumat lanjut mengenai saya mengikut bahagian 2 perenggan 3 lampiran ini.

(Tempat dan tarikh)

(Tandatangan)



LAMPIRAN B: PERATURAN MENGAWAL PENGGUNAAN STATUT

Artikel 1 Penerbitan Dan Pindaan Kepada Peraturan

1. Jawatankuasa Eksekutif hendaklah mempunyai kuasa untuk menerbitkan dan meminda semua tetapi tidak terhad kepada Peraturan FAM yang berikut:
 - a. Peraturan Organisasi FAM;
 - b. Kod Pemilihan FAM;
 - c. Kod Tata tertib dan Etika FAM;
 - d. Peraturan Pelesenan Kelab FAM;
 - e. Peraturan Status dan Perpindahan Pemain FAM;
 - f. Peraturan Majlis Resolusi Pertikaian Kebangsaan FAM;
 - g. apa-apa peraturan yang berkaitan dengan Pertandingan, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
 - i. Peraturan-Peraturan Pertandingan;
 - ii. Peraturan-Peraturan Komersil/Pemasaran; dan
 - h. Apa-apa peraturan yang difikirkan perlu.
2. Sekiranya Jawatankuasa Eksekutif memilih untuk memaklumkan peraturan ini (dan mana-mana Peraturan yang lain), hendaklah dimaklumkan secara umum di laman web FAM atau mana-mana platform yang lain.

Artikel 2 Konflik Kepentingan

Mana-mana individu yang menerima imbuhan disebabkan oleh suatu kontrak daripada Ahli atau ahli gabungan kepada Ahli atau mana-mana Kelab tidak berhak untuk menerima sebarang pekerjaan yang mendapat gaji dengan Ahli lain pada masa yang sama.

Artikel 3 Pertandingan

1. FAM menganjurkan dan menyelaras pertandingan rasmi yang diadakan dalam bidang kuasanya:
 - i. Piala Sumbangsih;
 - ii. Liga Super;
 - iii. Liga Premier;
 - iv. Piala FA;
 - v. Piala Malaysia;
 - vi. Piala President;



- vii. Piala Belia;
 - viii. Liga Futsal Premier Malaysia;
 - ix. Piala Tun Sharifah Rodziah;
 - x. Liga SupaRimau
 - xi. Mana-mana pertandingan lain yang diluluskan dan/atau diiktiraf oleh FAM atau yang dianggap sesuai selaras dengan Kalendar dan Peraturan FIFA dan AFC.
2. Jawatankuasa Eksekutif boleh memberi kuasa kepada Jawatankuasa Pertandingan atau Ahli atau pihak ketiga untuk mengelola dan menganjurkan pertandingan peringkat bawah umur. Pertandingan ini tidak boleh mengganggu pertandingan yang dianjurkan oleh FAM seperti di Artikel 3.1 di atas. Jawatankuasa Eksekutif juga boleh mewakilkan memberi kuasa hak pengurusan dan penganjuran liga atau pertandingan di bawah Artikel 3.1 kepada pihak ketiga melalui satu perjanjian bertulis.
 3. Jawatankuasa Eksekutif boleh mengeluarkan Peraturan Khas mengenai perkara ini.
 4. Ahli, ahli gabungan kepada Ahli atau mana-mana badan bola sepak atau badan bukan bola sepak tidak dibenarkan untuk menjadi tuan rumah atau menganjurkan apa-apa aktiviti bolasepak di peringkat kebangsaan atau antarabangsa tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada FAM.

Artikel 4 Hak

1. FAM dan Ahlinya adalah pemilik asal semua hak-hak yang berkaitan dengan pertandingan yang termasuk di bawah bidang kuasa masing-masing. Hak tersebut mestilah mengikut ketetapan yang diberikan oleh Jawatankuasa Eksekutif tanpa apa-apa sekatan terhadap kandungan, masa, tempat dan undang-undang. Hak-hak ini termasuk, antara lain, segala jenis hak kewangan, audiovisual dan rakaman radio, hak pengeluaran semula dan hak penyiaran, hak multimedia, pemasaran dan promosi dan hak zahir seperti lambang dan hak-hak yang timbul di bawah undang-undang hak cipta.
2. Jawatankuasa Eksekutif hendaklah memutuskan bagaimana dan sejauh mana hak-hak ini digunakan untuk tujuan ini. Jawatankuasa Eksekutif hendaklah membuat keputusan secara bersendirian sama ada hak-hak ini hendaklah digunakan secara eksklusif, atau secara bersama dengan pihak ketiga atau sepenuhnya melalui pihak ketiga.

Artikel 5 Pengesahan

FAM dan ahli-ahlinya adalah secara eksklusif bertanggungjawab untuk membenarkan pendedaran imej dan audio dan pembawa data lain perlawanan Bola Sepak dan acara-acara yang termasuk di bawah bidang kuasa masing-masing, tanpa apa-apa sekatan ke atas kandungan, masa, tempat dan aspek-aspek teknikal dan undang-undang.



Artikel 6 Perlawatan Dan Pertandingan Antarabangsa

1. Hak untuk menganjurkan perlawatan dan pertandingan tempatan dan antarabangsa yang melibatkan penyertaan pasukan tempatan dengan pasukan dari luar negara yang berdaftar secara mutlak dengan mana-mana ahli FIFA hendaklah mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Jawatankuasa Eksekutif. Kelulusan permohonan mestilah mengikut prosedur yang diperuntukan dalam Peraturan Mengawal Perlawatan Antarabangsa FIFA.
2. FAM adalah terikat untuk mematuhi kalendar perlawatan antarabangsa yang disusun oleh FIFA.

Artikel 7 Hubungan

FAM tidak boleh mengadakan perlawatan atau membuat hubungan kesukuan dengan persatuan yang bukan ahli FIFA atau dengan ahli sementara sesuatu konfederasi tanpa kelulusan FIFA.

Artikel 8 Kelulusan

Mana-mana Ahli, ahli gabungan kepada Ahli atau Kelab yang bernaung di bawah FAM tidak boleh bergabung atau mengambil bahagian dalam pertandingan mana-mana persatuan lain (negara lain) tanpa kebenaran FAM.

Artikel 9 Ejen Bola Sepak Dan Ejen Perlawatan

1. Penggunaan ejen perlawatan dalam menguruskan perlawatan adalah dibenarkan.
2. Ejen perlawatan yang menguruskan perlawatan yang melibatkan pasukan dari FAM mestilah diiktiraf secara rasmi oleh FIFA.
3. Ejen perlawatan yang menguruskan perlawatan antara pasukan yang melibatkan pasukan dari FAM dengan konfederasi yang berbeza hendaklah mempunyai lesen ejen FIFA yang sah.
4. Pemain dan Pasukan berhak untuk menggunakan khidmat ejen bola sepak FAM yang sah apabila menandatangani kontrak pemain dan/atau perjanjian perpindahan. Perkhidmatan tersebut mestilah mematuhi Peraturan FAM yang berkaitan dengan Ejen Bola Sepak.

Artikel 10 Pencalonan Pengadil dan Penolong Pengadil

1. Setiap pengadil dan penolong pengadil yang dilantik ke perlawatan antarabangsa hendaklah tergolong dalam Persatuan Ahli yang neutral melainkan dipersetujui sebelumnya oleh Persatuan Ahli yang berkenaan.
2. Pengadil dan penolong pengadil yang dipilih untuk mengendalikan perlawatan antarabangsa hendaklah menjadi ahli senarai rasmi Pengadil dan Penolong Pengadil Antarabangsa FIFA.

Artikel 11 Laporan Pengadil

1. Pengadil setiap perlawatan antarabangsa "A" yang bermain di Malaysia, laporan pengadil hendaklah



- diserahkan kepada FAM sejurus selepas perlawanan tamat. Kemudian FAM mesti menghantar laporan dalam tempoh empat puluh lapan (48) jam dari perlawanan kepada FIFA dan AFC.
2. Laporan ini hendaklah dibuat pada borang rasmi yang diberikan kepada pengadil oleh Persatuan Ahli yang di bawah bidang kuasanya perlawanan itu dimainkan.
 3. Laporan itu hendaklah merekodkan semua tindakan tatatertib yang diambil dan sebab-sebab bagi langkah-langkah ini.

Artikel 12 Pembayaran Ganti

1. Pengadil dan penolong pengadil pada perlawanan antarabangsa berhak untuk:
 - i. elaun harian; dan
 - ii. pembayaran ganti perbelanjaan perjalanan.
2. Peraturan kewangan dalaman FAM akan menentukan jumlah, kategori perjalanan dan bilangan hari yang kena dibayar untuk pembayaran ganti yang pengadil dan penolong pengadil berhak.
3. Jumlah terhutang kepada pengadil dan penolong pengadil hendaklah dibayar kepada mereka dalam mata wang boleh tukar pada hari yang sama dengan perlawanan oleh ahli penganjur.
4. Perbelanjaan untuk hotel, makan dan dobi yang ditanggung oleh pengadil dan penolong pengadil perlawanan antarabangsa hendaklah dijelaskan oleh ahli penganjur atau Persatuan Ahli di mana wilayah perlawanan itu dimainkan.

Artikel 13 Hal-Hal Yang Tidak Diperuntukkan

Apa-apa perkara yang tidak diperuntukkan dalam peraturan-peraturan ini hendaklah diputuskan oleh Jawatankuasa Eksekutif.

Artikel 14 Penguatkuasaan

Peraturan Mengawal Penggunaan Statut ini telah diluluskan oleh Kongres FAM pada 01 Julai 2023.

Disahkan oleh Kongres dalam Kongres FAM kali ke 59, 2023

NOOR AZMAN HAJI RAHMAN
Setiausaha Agung

DATUK HAJI HAMIDIN BIN HAJI MOHDAMIN
Presiden



LAMPIRAN C: PERATURAN TETAP KONGRES FAM

Artikel 1 Pengerusi

1. Presiden FAM akan mempengerusikan Kongres. Salah satu daripada Timbalan Presiden akan menggantikannya dalam kes ketiadaan Presiden.
2. Pengerusi hendaklah:
 - i. bertanggungjawab terhadap penggunaan Peraturan Tetap yang ketat;
 - ii. membuka dan menangguhkan sesi dan perbahasan;
 - iii. membenarkan perwakilan untuk bercakap;
 - iv. menjalankan prosiding Kongres;
 - v. mengekalkan kawalan di Kongres; dan
 - vi. mengenakan tindakan tatatertib kepada perwakilan yang mengganggu prosiding atau bersalah atas salah laku.

Artikel 2 Langkah Tatatertib

1. Dalam menjalankan hal berkaitan Kongres, Pengerusi hendaklah melaksanakan langkah-langkah tatatertib berikut:
 - i. panggilan untuk mengawal;
 - ii. mengecam; dan/atau
 - iii. pengecualian daripada satu atau lebih sesi.
2. Dalam hal rayuan, Kongres hendaklah memutuskan dengan segera dan tanpa perdebatan.

Artikel 3 Pemilihan Pegawai

1. Setiausaha Agung bertanggungjawab untuk mencatat minit Kongres. Mana-mana individu boleh dipanggil untuk membantu Setiausaha Agung.
2. Mengikut Artikel 28 Statut FAM, Pengerusi dan ahli Jawatankuasa Pemilihan FAM akan dilantik oleh Kongres untuk tujuan pemilihan Jawatankuasa Eksekutif.
3. Tiga (3) Ahli hendaklah dilantik mengikut Artikel 28 Statut FAM untuk memeriksa minit rasmi Kongres.

Artikel 4 Perintah Prosedur

1. Setiap perbincangan mengenai perkara-perkara dalam agenda hendaklah didahului dengan pernyataan:



- i. oleh Pengerusi atau Ahli yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Eksekutif untuk tujuan ini; dan atau
 - ii. oleh wakil Jawatankuasa yang dilantik khas untuk membuat laporan; dan/atau
 - iii. oleh wakil Ahli yang bertanggungjawab untuk memasukkannya ke dalam Agenda.
2. Perbincangan umum akan dibuka kepada para perwakilan.
 3. Hak untuk berucap dalam Kongres akan diberikan mengikut turutan permintaan. Tiada perwakilan akan berucap melainkan kebenaran telah diperolehi dan perwakilan hendaklah berucap dari tempat yang ditetapkan.
 4. Tiada kebenaran akan diberikan kepada mana-mana ahli untuk bercakap kali kedua melainkan semua mereka yang telah mendapat kebenaran untuk bercakap telah berbuat demikian.

Artikel 5 Cadangan Dan Usul

1. Semua cadangan dan pindaan hendaklah dikemukakan secara bertulis. Cadangan yang tidak berkaitan dengan subjek yang dibincangkan akan ditarik balik daripada perbahasan.
2. Sekiranya usul penangguhan dicadangkan, semua perbincangan akan digantung sehingga undian telah diambil atas usul tersebut.
3. Cadangan untuk menutup perbincangan hendaklah dikemukakan tanpa perdebatan. Jika usul itu diluluskan, kebenaran untuk bercakap hanya akan diberikan kepada Ahli- Ahli yang memohon untuk berbuat demikian sebelum undi telah diambil.
4. Pengerusi akan menutup perbincangan melainkan jika Kongres memutuskan sebaliknya dengan majoriti mudah.

Artikel 6 Undian

1. Tiada undi boleh diambil secara undi rahsia kecuali seperti yang diperuntukan sebaliknya dalam Statut.
2. Semua usul boleh diputuskan sama ada dengan mengangkat tangan, penggunaan peralatan elektronik, dengan memanggil nama seperti yang diperuntukkan dalam peraturan ini. Tiada seorang pun boleh dipaksa untuk mengundi.
3. Sebarang usul yang memerlukan kelulusan majoriti akan dianggap telah diterima pakai jika ianya dicadang dan disokong tanpa sebarang bantahan.
4. Semua usul hendaklah dikemukakan mengikut susunan yang dikemukakan. Setiap Ahli yang mengundi hanya mempunyai satu usul sahaja.
5. Sebelum setiap undian, Pengerusi atau individu yang ditetapkan olehnya untuk perkara tersebut hendaklah membaca dengan jelas usul itu sebelum mengundi dan menerangkan prosedur pengundian kepada Kongres.
6. Tertakluk kepada Artikel 6 (3) sekiranya proses undian dilaksanakan, pengundian hendaklah dijalankan dengan mengangkat tangan atau apa-apa cara yang ditetapkan oleh Sekretariat Agung.



7. Pengubahan kepada pindaan hendaklah dimasukkan atau dibincangkan untuk sebelum diundi.
8. Pengerusi hendaklah mengesahkan dan mengumumkan keputusan pengundian kepada Kongres.
9. Undang-undang dan ketenteraman akan dipantau dengan rapi semasa pengundian dan maka keputusan telah diumumkan oleh Pengerusi. Tiada individu dibenarkan untuk berucap semasa mengundi dan sehingga diumumkan.

Artikel 7 Pemilihan

1. Pemilihan hendaklah dijalankan mengikut peruntukan Statut dan Kod Pemilihan FAM.
2. Setiausaha Agung hendaklah menyimpan dalam Sekretariat Agung semua dokumen yang dikehendaki untuk diarkibkan menurut Kod Pemilihan FAM untuk tempoh seratus (100) hari selepas berakhirnya Kongres, atau sebarang masa sebagaimana yang diperintahkan oleh Jawatankuasa Eksekutif, di mana waktu itu ia akan dihapuskan.

Artikel 8 Perkara Yang Tidak Dinyatakan

1. Semua perkara yang tidak diperuntukkan dalam Peraturan Tetap yang tidak berkaitan dengan pemilihan akan diselesaikan oleh Jawatankuasa Eksekutif melainkan sebaliknya ditentukan oleh Kongres.
2. Semua perkara yang tidak diperuntukkan dalam Peraturan Tetap yang berkaitan dengan pemilihan hendaklah diselesaikan mengikut Kod Pemilihan FAM.

Artikel 9 Penguatkuasaan

Peraturan Tetap Kongres telah diluluskan oleh Kongres FAM pada 01 Julai 2023 di Petaling Jaya. Ia akan menggantikan semua Peraturan Tetap sebelumnya dan berkuatkuasa serta merta.

Disahkan oleh Kongres dalam Kongres FAM kali ke 59, 2023

NOOR AZMAN HAJI RAHMAN
Setiausaha Agung

DATUK HAJI HAMIDIN BIN HAJI MOHD AMIN
Presiden



Nota



FAM

FOOTBALL ASSOCIATION OF MALAYSIA

Wisma FAM, Jalan SS5A/9
Kelana Jaya, 47301, Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Malaysia
Tel : 03-78733100 Fax : 03-78757984